



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030



MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU
PINANG
SEBAGAI SEBUAH
NEGERI PINTAR,
HARMONI DAN
BERTARAF
ANTARABANGSA

RSN

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, disediakan seperti peruntukkan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172).

Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jilid 63 Tambahan No: 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019, Kenyataan Warta No. 1068.

Dengan pewartaan RSNPP 2030 ini, ianya membatalkan RSNPP 2020 yang diwartakan pada 28 Jun 2007 (No. Warta Jilid 51 No.13 Tambahan No.1).



ISI KANDUNGAN

Perkara	Bab	Muka surat
PENDAHULUAN		
	A	
Pengenalan	1.0	A – 1
Penilaian RSNPP 2020 Dan Hala Tuju RSNPP 2030	2.0	A – 2 - 16
Kandungan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030	3.0	A – 17
Evolusi RSNPP 2020 Kepada RSNPP 2030	4.0	A – 18
Proses Kajian Semula RSNPP 2020	5.0	A – 19 - 20
Pendekatan Membentuk RSNPP 2030	6.0	A – 21
Profil Kawasan RSNPP 2030	7.0	A – 22 - 25
ARAH TUJU		
	B	
Visi, Misi, Objektif dan Teras	1.0	B – 1
Keterangan Kata Kunci	2.0	B – 2 - 3
Aspirasi “Penang 2030”	3.0	B – 4
TERAS, DASAR PERANCANGAN UTAMA, DASAR STRATEGIK DAN LANGKAH PELAKSANAAN		
	C	
TERAS 1 : Infrastruktur Inklusif Dan Kesalinghubungan Menyeluruh	1.0	C1 – 1 - 13
TERAS 2 : Modal Insan Yang Kreatif Dan Inovatif	2.0	C2 – 1 - 11
TERAS 3 : Ekonomi Berdaya Saing, Bernilai Tinggi Dan Bertaraf Global	3.0	C3 – 1 - 10
TERAS 4 : Urus Tadbir Kerajaan Yang Baik	4.0	C4 – 1 - 3
TERAS 5 : Pembangunan Mampan, Mesra Alam Dan Berdaya Huni	5.0	C5 – 1 - 12
DASAR KHUSUS		
	D	
Pembangunan Di Kawasan Bersempadan Dengan Negeri Pulau Pinang	6.1	D – 3
Pemeliharaan, Pemuliharaan Dan Pembangunan Kawasan Kampung	6.2	D – 4
Pengurusan Pesisiran Pantai Dan Tebus Guna Tanah	6.3	D – 5 - 6
GAMBARAJAH UTAMA		
	E	
Gambarajah Utama RSNPP 2030	1.0	E – 1 - 6
PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN		
	F	
Pengurusan, Pelaksanaan Dan Pemantauan RSNPP 2030	1.0	F – 1 - 6

ISI KANDUNGAN

Perkara

Bab

Muka surat

LAMPIRAN

G

Pencapaian Pembangunan Mampan (<i>Sustainable Development Goals</i>)	1.0	G1 – 1
Rujukan Pantas Perkara Dan Dasar	2.0	G2 – 1 - 6
Senarai Singkatan	3.0	G3 – 1 - 3
Glosari	4.0	G4 – 1 - 3

SENARAI RAJAH

Kedudukan Negeri Pulau Pinang Dalam Konteks Wilayah	Rajah 1	A – 24
Kawasan Kajian Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang	Rajah 2	A – 25
Rangkaian Sistem Pengangkutan Sedia Ada Dan Masa Hadapan Negeri Pulau Pinang	Rajah 3	C1 – 8
Lokasi <i>Hot Spot</i> Banjir Negeri Pulau Pinang	Rajah 4	C1 – 12
Lokasi Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Negeri Pulau Pinang	Rajah 5	C1 – 13
Kemudahan Rekreasi Dan Sukan Negeri Pulau Pinang	Rajah 6	C2 – 11
Zon-Zon Pelancongan Negeri Pulau Pinang	Rajah 7	C3 – 9
Kawasan Perindustrian Utama Negeri Pulau Pinang	Rajah 8	C3 – 10
Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Negeri Pulau Pinang	Rajah 9	C5 – 10
Kawasan Keutamaan Pembangunan Negeri Pulau Pinang	Rajah 10	C5 – 11
Konurbasi Dan Hierarki Petempatan Negeri Pulau Pinang	Rajah 11	C5 – 12
Gambarajah Punca RSMPPP (Pengubahan) 2000 Dan Gambarajah Utama RSMPPSP (Pengubahan) 2000-2010	Rajah 12	E – 4
Gambarajah Utama RSNPP 2020	Rajah 13	E – 5
Gambarajah Utama RSNPP 2030	Rajah 14	E – 6

SENARAI INFOGRAFIK

Penduduk Negeri Pulau Pinang Tahun 2014, Unjuran Penduduk Bagi Tahun 2020 Dan 2030	Infografik A.1	A – 5
Tahap Pendidikan Tertiar Tenaga Buruh Di Negeri Pulau Pinang, Tahun 2010 Dan Sasaran Pencapaian Bagi Tahun 2020 Dan 2030	Infografik A.2	A – 6
Pencapaian Ruang Lantai Perniagaan (mp) 2010 Dan 2014 Berbanding Dengan Unjuran RSNPP 2020 Dan RSNPP 2030	Infografik A.3	A – 9
Pencapaian Bilangan Kedatangan Pelancong 2005 Hingga 2015 Berbanding Dengan Sasaran RSNPP 2020 Dan RSNPP 2030	Infografik A.4	A – 10
Keluasan Tanah Pertanian (hektar) Pada Tahun 2011 Dan 2015 Berbanding Unjuran Tanah Pertanian (hektar) Pada Tahun 2020 Dan 2030 Serta Tren Pengeluaran Hasil Pertanian (tan metrik) 2011 - 2020	Infografik A.5	A – 11
Proses Kajian Semula RSNPP 2020	Infografik A.6	A – 20
Senarai Indeks Bandar Berdaya Saing Yang Boleh Disertai Oleh Bandar-Bandar Utama Di Malaysia	Infografik B.1	B – 2
Revolusi Perindustrian Ke-4	Infografik C.1	C3 – 2

ISI KANDUNGAN

Perkara

Bab

Muka surat

SENARAI JADUAL

Indikator dan Pencapaian Sasaran Negeri Pulau Pinang Dalam Konteks Kerjasama Serantau	Jadual A.1	A – 3
Taburan Penduduk Negeri Pulau Pinang Mengikut Daerah ('000) Tahun 2012 - 2014 Dan Unjuran Penduduk Bagi Tahun 2020 Dan 2030	Jadual A.2	A – 5
Tahap Pendidikan Tenaga Buruh Di Negeri Pulau Pinang, Tahun 2000 Dan 2010	Jadual A.3	A – 6
Indikator Dan Pencapaian Sasaran Sektor Asas Dan Prospek Ekonomi	Jadual A.4	A – 7
Keluasan Tanah Perindustrian Negeri Pulau Pinang Mengikut Daerah, Tahun 2012 Dan Unjuran 2020 Dan 2030	Jadual A.5	A – 8
Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Perindustrian	Jadual A.6	A – 8
Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Perniagaan	Jadual A.7	A – 9
Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Pelancongan	Jadual A.8	A – 10
Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Pertanian	Jadual A.9	A – 11
Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Guna Tanah Dan Pemeliharaan Alam Sekitar	Jadual A.10	A – 12
Indikator Dan Pencapaian Penyusunan Perbandaran Dan Petempatan Desa	Jadual A.11	A – 13
Indikator Dan Pencapaian Penyediaan Perumahan Dan Kemudahan Masyarakat	Jadual A.12	A – 14
Indikator Dan Pencapaian Pembangunan Sistem Perhubungan Dan Pengangkutan	Jadual A.13	A – 15
Indikator Dan Pencapaian Pembangunan Infrastruktur Dan Utiliti	Jadual A.14	A – 16
Ringkasan DPU Dan DSP Bagi Teras 1	Jadual C.1	C1 – 2
Ringkasan DPU Dan DSP Bagi Teras 2	Jadual C.2	C2 – 2
Ringkasan DPU Dan DSP Bagi Teras 3	Jadual C.3	C3 – 2
Ringkasan DPU Dan DSP Bagi Teras 4	Jadual C.4	C4 – 2
Ringkasan DPU Dan DSP Bagi Teras 5	Jadual C.5	C5 – 2
Ringkasan Dasar Khusus	Jadual D.1	D – 2



MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU
PINANG
SEBAGAI SEBUAH
NEGERI PINTAR,
HARMONI DAN
BERTARAF
ANTARABANGSA

RSN

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030



PENDAHULUAN **A**

Pengenalan	1.0	A – 1
Penilaian RSNPP 2020 Dan Hala Tuju RSNPP 2030	2.0	A – 2 - 16
Kandungan RSNPP 2030	3.0	A – 17
Evolusi RSNPP 2020 Kepada RSNPP 2030	4.0	A – 18
Proses Kajian Semula RSNPP 2020	5.0	A – 19 - 20
Pendekatan Membentuk RSNPP 2030	6.0	A – 21
Profil Kawasan RSNPP 2030	7.0	A – 22 - 25

A1.0 PENGENALAN

Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, Akta 172 (Dengan Pindaan-Pindaan Di Bawah Akta-Akta A866, A933, A1129, A1313)

13 Jun 2007
RSNPP 2020
Mulai
Berkuatkuasa

Kenapa
Perlu
Kajian
Semula?

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 (dengan pindaan-pindaan dibawah Akta-Akta A866, A933, A1129, A1313) merupakan asas perundangan untuk penyediaan Rancangan Struktur Negeri. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang pertama dinamakan "Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020" atau "RSNPP 2020" yang telah disediakan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang pada 12 Jun 2007.

Persetujuan kepada kelulusan JPN telah diberi oleh PBN pada 13 Jun 2007, tarikh yang mana RSNPP 2020 mulai berkuatkuasa. Fakta persetujuan PBN telah disiarkan dalam Warta Kerajaan Jilid 51 No 13 Tambahan No 1 bertarikh 28 Jun 2007.

Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri ini disediakan sebagai memenuhi keperluan Seksyen 11(1), Akta 172 di mana seksyen ini menyatakan, "Sesuai Rancangan Struktur yang telah mula berkuatkuasa adalah tertakluk kepada kajian semula setiap lima tahun seiring dengan penyediaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri. Kajian semula itu hendaklah berkaitan dengan seluruh Negeri itu."

Seksyen 8 (3) Akta 172

(3) *Draf Rancangan Struktur bagi Negeri itu adalah suatu pernyataan bertulis:-*

- (a) *yang merumuskan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri dengan pemajuan dan penggunaan tanah di dalam Negeri. RSN akan mengambilkira langkah-langkah untuk memperelok perhubungan dan persekitaran hidup dari segi fizikal, sosial dan ekonomi disamping memudahkan pemajuan yang mampan;*
- (b) *yang menyatakan pertalian cadangan itu dengan cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan berjiran yang mungkin dijangka menyentuh kawasan itu; dan*
- (c) *yang mengandungi perkara lain sebagaimana yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Majlis atau Jawatankuasa dalam mana – mana hal.*

Tujuan Kajian Semula RSNPP 2020 adalah seperti berikut :-

1. Mengintegrasikan rancangan, strategi, program dan dasar-dasar baharu di peringkat Nasional, Wilayah dan Negeri; termasuk Rancangan Pemajuan Nasional (RFN, DPN, DPFDN) dan Rancangan Malaysia Lima Tahun.
2. Mengambilkira dasar, polisi dan garis panduan pembangunan baharu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) termasuk Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PTMP).
3. Menyemak dan mengkaji semula pelaksanaan dasar, gambarajah, program dan projek-projek yang telah dikenalpasti untuk dikaji semula.
4. Menyelesaikan isu-isu sektoral dengan mengambilkira kekuatan dan kelemahan dasar untuk mengenalpasti prospek dan cabaran pembangunan.
5. Mengenalpasti prospek dan cabaran pembangunan dan implikasinya hasil daripada pelaksanaan dasar-dasar tersebut.
6. Membentuk dasar-dasar baharu yang bersesuaian dan lebih berdaya laksana.
7. Menyelesaikan isu-isu wilayah atau perkara-perkara lain yang dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) /agensi-agensi berkaitan.

A2.0 PENILAIAN RSNPP 2020 DAN HALA TUJU RSNPP 2030

Bab ini pada asasnya akan mengemukakan penilaian ke atas sasaran dan strategi yang telah dilaksanakan di dalam RSNPP 2020.

Penilaian dilakukan berdasarkan kepada analisis pencapaian ke atas hala tuju dan strategi yang telah terlaksana atau sebaliknya untuk memastikan perancangan yang lebih baik di dalam RSNPP 2030.

RSNPP 2020 telah merangka hala tuju berdasarkan kepada sasaran RMK 9 dan RFN iaitu:

1. Kepentingan Negeri Pulau Pinang dalam konteks kerjasama serantau dan antarabangsa;
2. Pengukuhan Negeri Pulau Pinang sebagai Pusat Pertumbuhan Wilayah, Wilayah Utara Semenanjung Malaysia;
3. Pertumbuhan penduduk dan perancangan sumber manusia yang mampan mengikut daerah;
4. Pengukuhan asas dan prospek ekonomi Negeri;
5. Pembangunan perindustrian yang bernilai tambah dan kompetitif;
6. Negeri Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan utama;
7. Pengukuhan sektor pelancongan;
8. Pemodenan pertanian dan pengembangan industri asas tani;
9. Pembangunan guna tanah dan pemeliharaan alam sekitar yang seimbang;
10. Penyusunan perbandaran dan petempatan desa yang lebih seimbang;
11. Peningkatan penyediaan perumahan dan kemudahan masyarakat yang lebih berkualiti;
12. Pengukuhan sistem perhubungan dan pengangkutan; dan
13. Penyediaan infrastruktur bertaraf negeri maju.

Berdasarkan kepada hala tuju RSNPP 2020 di atas, penilaian akan dilakukan secara terperinci untuk melihat tahap pencapaian terutamanya dalam konteks perancangan keseluruhan Negeri Pulau Pinang.



A2.1

KEPENTINGAN NEGERI PULAU PINANG DALAM KONTEKS KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Kepentingan Negeri Pulau Pinang Dalam Konteks Kerjasama Serantau dan Antarabangsa akan terus di kekalkan dan dimakmurkan melalui hubungan pentadbiran, ekonomi, sosial, pembangunan fizikal dan persekitaran. Dua indikator dilihat iaitu kedudukan dan pengiktirafan Negeri di peringkat antarabangsa dan kerjasama perdagangan serantaunya.

Jadual A.1 : Indikator Dan Pencapaian Sasaran Negeri Pulau Pinang Dalam Konteks Kerjasama Serantau

Indikator	Pencapaian Semasa dan Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Kedudukan Dan Pengiktirafan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ <i>Pearl of The Orient.</i> ✓ <i>UNESCO World Heritage Site.</i> ✓ Pilihan Tempat Kediaman Persaraan Kedua Terbaik Di Dunia - (2017- Pilihan CNN). ✓ Bandar Global. ✓ Bandar Dunia. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengiktirafan Hutan dan Persekitaran Bukit Bendera sebagai <i>UNESCO Biosphere Reserve.</i> ✓ <i>Smart State / City.</i>
Kerjasama Perdagangan Serantau	<ul style="list-style-type: none"> ✓ IMT-GT (Indonesia - Malaysia - Thailand <i>Growth Triangle</i>). ✓ Singapura - Hong Kong - Australia. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Revolusi Era Industri Digital 4.0. ✓ Melebar luas Kerjasama Perdagangan Antarabangsa yang melibatkan <i>Internet of Thing (IoT).</i>


Sumber: (1) RSNPP 2020
(2) New Straits Times



Penang ranks among Top 10 best places in the world to retire

Penang, the only Asian country to make it into the list, came in second after Coronado, Panama.

The other eight places are Cascais, Portugal; San Miguel de Allende, Mexico; Killarney, Ireland; Corozal, Belize; Concord, California; Grand Haven, Michigan; Santa Fe, New Mexico; and Louisville, Kentucky.



A2.2

PENGUKUHAN NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT PERTUMBUHAN WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA

Hala tuju ini pada asasnya bertujuan merancang dan mencorak pembangunan Negeri Pulau Pinang pada peringkat makro dengan menjadikan negeri ini sebagai Pusat Pertumbuhan Wilayah (Wilayah Utara Semenanjung Malaysia). Indikator dan sarannya adalah merujuk bersama bahagian A2.5, A2.6 dan A2.7.



Negeri Pulau Pinang sebagai Pusat Pertumbuhan Wilayah (Wilayah Utara Semenanjung Malaysia)



Fungsi Negeri Pulau Pinang khususnya Bandaraya George Town sebagai pusat tumpuan aktiviti ekonomi dan pentadbiran utama yang telah menepati beberapa kriteria Bandar Global (rujuk **A2.6**)



Pembangunan sektor industri yang pesat dengan wujudnya kawasan dan jenis perindustrian baharu yang memfokuskan kepada penggunaan tenaga kerja berpengetahuan, mahir dan separuh mahir (rujuk **A2.5**)



Pembangunan sektor pelancongan dengan adanya banyak lokasi, produk dan acara pelancongan bertaraf antarabangsa sebagai tarikan para pelancong tempatan dan luar negara (rujuk **A2.7**)

A2.3 PERTUMBUHAN PENDUDUK DAN PERANCANGAN SUMBER MANUSIA YANG KUKUH MENGIKUT DAERAH



Pengagihan Penduduk Negeri Yang Seimbang.

Meningkatkan Bilangan Pekerja Berpengetahuan, Mahir dan Separuh Mahir.

Jumlah penduduk Negeri Pulau Pinang pada tahun 2014 adalah seramai 1.64 Juta orang. Penduduk Negeri dianggarkan meningkat kepada 1.98 juta pada tahun 2020, dan seterusnya diunjurkan kepada 2.29 juta pada tahun 2030. Pertambahan ini adalah berdasarkan kepada kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.6%.

Jadual A.2 : Taburan Penduduk Negeri Pulau Pinang Mengikut Daerah ('000) Tahun 2012 – 2014 Dan Unjuran Penduduk Bagi Tahun 2020 Dan 2030


Daerah	2012 ⁽¹⁾	2013 ⁽¹⁾	Pencapaian 2014 ⁽¹⁾	Sasaran 2020 ⁽²⁾	Unjuran 2020 (Jabatan Perangkaan)	Unjuran 2030 (RSNPP 2030)
DTL	529.4	531.4	533.3	625.3	Unjuran Jabatan Perangkaan Bagi Tahun 2020 Hanya Dikeluarkan Untuk Kegunaan Dalaman Dan Tidak Diterbitkan Untuk Penggunaan Umum	643.1 (28%)
DBD	209.1	211.9	214.7	286.5		390.5 (17%)
SPU	303.0	305.6	308.1	351.9		367.5 (16%)
SPT	384.0	387.7	391.4	509.0		574.2 (25%)
SPS	185.6	191.9	198.2	284.3		321.5 (14%)
Jumlah	1,611.1	1,628.5	1,645.7	2,057.00	1,980.00⁽¹⁾	2,296.80 (100%)

Sumber: 1) Jabatan Perangkaan Malaysia

2) RSNPP 2020

3) RSNPP 2030

Infografik A.1 : Penduduk Negeri Pulau Pinang Tahun 2014, Unjuran Penduduk Bagi Tahun 2020 Dan 2030





Meningkatkan Bilangan Pekerja Berpengetahuan, Mahir dan Separuh Mahir

Peratusan taraf pendidikan tenaga buruh yang mempunyai pendidikan tertiar pada tahun 2010 ialah sejumlah 25.9%. RSNPP 2020 telah mensasarkan bahawa taraf pendidikan tenaga buruh pada tahun 2020 ialah sebanyak 30%.


Jadual A.3 : Tahap Pendidikan Tenaga Buruh Di Negeri Pulau Pinang, Tahun 2000 Dan 2010

Taraf Pendidikan Tenaga Buruh		2000	2010
Pendidikan Tertiar	Lelaki (%)	3.8	13.3
	Perempuan (%)	3.3	12.6
	Jumlah (%)	7.1	25.9

Sumber: 1) Laporan Tinjauan RSNPP 2030

Trend pencapaian dari tahun 2010 hingga 2020 perlu dikekalkan, iaitu peningkatan pada kadar pertumbuhan 1.48% setahun. Oleh itu, pada tahun 2030 peratusan guna tenaga yang mempunyai pendidikan tertiar dapat mencapai ke tahap 35%. Infografik A.2 menunjukkan tahap pencapaian pada peningkatan tenaga buruh di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2010 dan sasaran pencapaian untuk tahun 2020 dan 2030.

Infografik A.2 : Tahap Pendidikan Tertiar Tenaga Buruh Di Negeri Pulau Pinang, Tahun 2010 Dan Sasaran Pencapaian Bagi Tahun 2020 Dan 2030



A2.4

PENGUKUHAN ASAS DAN PROSPEK EKONOMI NEGERI

Pencapaian asas dan prospek ekonomi melihat kepada pencapaian indikator KDNK Negeri, KDNK per kapita dan purata pendapatan isi rumah.

KDNK per kapita menunjukkan pertumbuhan yang positif iaitu kenaikan daripada RM33,597 pada tahun 2010 kepada RM47,322 pada tahun 2016. Ini secara khususnya menunjukkan Negeri Pulau Pinang telah mencapai lebih sasaran KDNK per kapita sebanyak 24% daripada unjuran tahun 2020 (RM36,000) Oleh itu dengan mengambilkira pencapaian ini unjuran KDNK per kapita tahun 2020 telah ditingkatkan kepada RM51,000 dan pada tahun 2030 akan mencapai pada tahap RM53,076 dengan kadar pertumbuhan purata 4% setahun.

Jadual A.4 : Indikator dan Pencapaian Sasaran Sektor Asas dan Prospek Ekonomi

Indikator	2010 ⁽¹⁾	Semasa 2016 ⁽¹⁾	Unjuran 2020 ⁽²⁾	Unjuran 2020 ⁽³⁾	Unjuran 2030 ⁽³⁾
Jumlah KDNK Negeri (RMjuta)	52,946	73,718	72000	104,900	127,650
KDNK per kapita (RM)	33,597	47,322	36,000	51,000	53,076

Sumber: (1) Jabatan Perangkaan Malaysia
(2) RSNPP 2020
(3) RSNPP 2030

Pencapaian KDNK Per Kapita 2016 telah melebihi 24% dari sasaran KDNK per kapita pada tahun 2020 (mengikut Unjuran RSNP 2020)

Dengan Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (KPPT) sebanyak 4% (2016 -2030)

KDNK

- Pada tahun 2016, Jumlah KDNK Malaysia adalah RM1,108,227 Juta dan KDNK per kapita Malaysia adalah RM55,400.
- Negeri Pulau Pinang berada ditempat ke 6 (2016) tertinggi sebagai penyumbang KDNK negara
- Kadar pertumbuhan KDNK (2015 – 2016) sebanyak 5.5% melebihi Kadar Pertumbuhan Nasional sebanyak 4.2%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PENDAPATAN ISI RUMAH

Median pendapatan isi rumah bulanan Malaysia RM5,228 (2016) berbanding Negeri Pulau Pinang iaitu RM5,409 (Ke 6 tertinggi di Malaysia).

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia

A2.5

PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN YANG BERNILAI TAMBAH DAN KOMPETITIF

Pencapaian Pembangunan Perindustrian merujuk kepada indikator Pembangunan Tanah Perindustrian dan jenis industri dan evolusi.

Jadual A.5 : Keluasan Tanah Perindustrian Negeri Pulau Pinang Mengikut Daerah, Tahun 2012 Dan Unjuran 2020 Dan 2030

Daerah	Industri Ringan	Industri Sederhana	Industri Berskala Besar	Industri Servis	Stor/ Gudang	Jumlah Keluasan 2012 (Ekar)	Unjuran Keluasan 2020 (Ekar)	Unjuran Keluasan 2030 (Ekar)
DTL	13.00	69.61	27.93	0.13	62.66	173.33	110	175
DBD	72.91	843.22	122.68	24.77	37.34	1,100.92	1,100	1,746
SPU	64.57	403.88	460.37	42.43	106.30	1,077.55	800	1,270
SPT	237.36	1,458.24	1,681.71	241.25	194.56	3,813.11	3,400	5,398
SPS	18.74	683.93	231.11	20.74	51.85	1,006.37	1,800	2,858
Jumlah	406.58	3,458.88	2,523.80	329.32	452.71	7,171.28	7,210	11,447

Sumber: (1) RSNPP 2020

(2) Jabatan Perangkaan Malaysia / Buku Data Asas Negeri Pulau Pinang 2013 -2014

Jadual A.6 : Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Perindustrian

Indikator	Pencapaian Semasa dan Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Keluasan Tanah Perindustrian	<ul style="list-style-type: none">✓ Tanah Industri pada tahun 2012 ialah seluas 7,171.29 ekar dan pada tahun 2014 tanah industri telah meningkat kepada 7508.4 ekar⁽²⁾ di mana ianya telah melebihi sasaran pada tahun 2020 yang dijangkakan di dalam RSNPP 2020 iaitu sejumlah 7,210 ekar⁽¹⁾ sahaja.	<ul style="list-style-type: none">✓ Tanah Perindustrian di jangka akan meningkat kepada 11,447 ekar dengan pertambahan sebanyak 54.92% dalam tempoh 2014 -2030 dengan kadar pertumbuhan purata tahun lebih kurang 2.67%.✓ Kadar pertumbuhan yang sama (2.67%) adalah dijangkakan dari tahun 2014 hingga 2020 maka tanah perindustrian pada tahun 2020 akan menjadi sebanyak 8,794 ekar.
Peratusan Bilangan Industri IKS	<ul style="list-style-type: none">✓ Penetapan 80% dari bilangan industri adalah industri IKS✓ Tahun 2003 Negeri Pulau Pinang mencatatkan bilangan industri IKS adalah sebanyak 83.5%	<ul style="list-style-type: none">✓ Pengekalan peratusan bilangan industri IKS sekurang-kurangnya 80%.
Evolusi Industri	<ul style="list-style-type: none">✓ Industri 2.0 dan 3.0	<ul style="list-style-type: none">✓ Revolusi Industri 4.0

Sumber: (1) RSNPP 2020

(2) Jabatan Perangkaan Malaysia / Buku Data Asas Negeri Pulau Pinang 2013 -2014

A2.6 NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN UTAMA


Pencapaian sebagai pusat perdagangan utama merujuk kepada indikator ruang lantai dan fungsi Bandaraya George Town.

Jadual A.7 : Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Perniagaan

Indikator	Pencapaian Semasa dan Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Jumlah ruang lantai perniagaan (mp = meter persegi)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pada tahun 2010 ruang lantai perniagaan mencatatkan sebanyak 11,218,814 mp dan meningkat kepada 24,416,470 mp iaitu mencatatkan peningkatan sebanyak 117% dalam tempoh 2010 -2014. ✓ Ruang lantai ini telah melebihi sasaran RSNPP 2020 yang menetapkan bahawa ruang lantai perindustrian adalah sebanyak 19,049,197mp sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Unjuran ruang lantai 2030 adalah sebanyak 31,824,495 mp yang mensasarkan penambahan sebanyak 30.36% (2014-2030) dengan KPPT sebanyak 1.7%. KPPT yang agak sederhana ini adalah bagi mengimbangi lebihan yang berlaku pada tahun sebelumnya.
Fungsi Hierarki Bandar	<ul style="list-style-type: none"> ✓ George Town - Pusat Pertumbuhan Wilayah. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Negeri Pulau Pinang sebagai Konurbasi Utara Semenanjung Malaysia. ✓ George Town - Bandar Global. ✓ Butterworth - Bandar Wilayah.

Sumber: (1) RSNPP 2020
(2) Jabatan Perangkaan Malaysia / Buku Data Asas Negeri Pulau Pinang 2013 -2014

Infografik A.3 : Pencapaian Ruang Lantai Perniagaan (mp) 2010 Dan 2014 Berbanding dengan Unjuran RSNPP 2020 Dan RSNPP 2030



A2.7 PENGUKUHAN SEKTOR PELANCONGAN

Pencapaian pembangunan pelancongan dilihat melalui indikator bilangan kedatangan Pelancong ke Negeri Pulau Pinang.


Jadual A.8 : Indikator Dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Pelancongan

Indikator	Pencapaian Semasa dan Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Bilangan Kedatangan Pelancong	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Ketibaan pelancong pada tahun 2005 adalah seramai 4.352 juta pelancong dan ianya terus meningkat sehingga tahun 2008 kepada 6.307 juta pelancong. ✓ Namun ketibaan pelancong pada tahun 2009 sehingga 2015 tidak begitu stabil di mana bilangan pelancong telah menurun pada tahun 2009 dan bilangan pelancong pada tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013 tidak dapat menandingi rekod kedatangan pelancong pada tahun 2008. ✓ Namun pada 2014 bilangan pelancong melonjak ke rekod baharu iaitu sejumlah 6.848 juta pelancong namun pada tahun 2015 kembali menurun pada angka 6.347 juta pelancong. Walaupun demikian, ianya telah melebihi sasaran yang ditetapkan di dalam RSNPP 2020 iaitu 6.0 juta pelancong. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ RSNPP 2030 mensasarkan kedatangan pelancong akan meningkat kepada 7.735* juta pelancong. *(Unjuran di atas hanya mengambilkira bilangan pelancong masuk yang berdaftar melalui lapangan terbang dan hotel).

Sumber: (1) RSNPP 2020
(2) Jabatan Perangkaan Malaysia

Infografik A.4 : Pencapaian Bilangan Kedatangan Pelancong 2005 Hingga 2015 Berbanding Dengan Sasaran RSNPP 2020 Dan RSNPP 2030

Bilangan Pelancong (Juta)



A2.8 PEMODENAN PERTANIAN DAN PENGEMBANGAN INDUSTRI ASAS TANI


Antara indikator yang dilihat ialah keluasan guna tanah pertanian dan pengeluaran hasil tanaman.

Jadual A.9 : Indikator dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Pertanian

Indikator	Pencapaian Semasa dan Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Keluasan Guna Tanah Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Dalam tempoh 2011 hingga 2015 keluasan tanah pertanian telah menurun dari 47,439.77 hektar (2011) ke 43,278.44 hektar (2015). Penurunan ini akan terus berlaku terutama bagi tanah pertanian yang bukan dalam kategori KSAS warisan. ✓ RSNPP 2020 menjangkakan tanah pertanian akan meliputi kawasan seluas 41,392 hektar pada tahun 2020. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ RSNPP 2030 mensasarkan tanah pertanian Negeri Pulau Pinang pada tahun 2030 adalah seluas 36,405.53 hektar. ✓ Penurunan tanah pertanian ini tidak akan melibatkan kawasan pertanian di dalam KSAS warisan (terutama kawasan jelapang padi yang diwartakan).
Pengeluaran Hasil Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengeluaran hasil tanaman dari tahun 2011 hingga 2015 menunjukkan peningkatan dari 261.69 ribu tan metrik (2011) kepada 287.67 ribu tan metrik (2015) ✓ RSNPP2020 mensasarkan bahawa pengeluaran hasil pertanian akan menjangkau kepada 505 ribu tan metrik menjelang 2020. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengekalkan pengeluaran hasil pertanian pada angka 505 ribu tan metrik.

Sumber: (1) Laporan Tinjauan RSNPP 2030

Infografik A.5 : Keluasan Tanah Pertanian (hektar) Pada Tahun 2011 Dan 2015 Berbanding Unjuran Tanah Pertanian (hektar) Pada Tahun 2020 Dan 2030 Serta Tren Pengeluaran Hasil Pertanian (tan metrik) 2011 - 2020



A2.9

PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR YANG SEIMBANG

Lima (5) indikator bagi memastikan pembangunan guna tanah dan pemeliharaan alam sekitar yang seimbang adalah seperti:

- Peratusan Kawasan Tepu Bina
- Kepadatan Penduduk
- Kualiti Air Di Lembangan Sungai
- Kualiti Air Marin
- Kadar Kitar Semula Bagi Mengurangkan Pelupusan Sisa Pepejal

Jadual A.10 : Indikator dan Pencapaian Sasaran Pembangunan Guna Tanah dan Pemeliharaan Alam Sekitar

Indikator	Pencapaian Semasa dan Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Keluasan Tepu Bina	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pada 2005 31,713 hektar (29.5%) kawasan tepu bina. ✓ Pada 2012 38,630 hektar (36.01%) kawasan tepu bina. ✓ Sasaran RSNPP 2020 pada tahun 2020 ialah 42,800 hektar (40%) kawasan tepu bina. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ RSNPP 2030 - menetapkan sasaran 50,000 hektar (46%).
Kepadatan Penduduk (Kawasan tepu bina/penduduk)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2005 - 37 orang / hektar. ✓ 2012 - 42 orang / hektar. ✓ 2020 - 48 orang / hektar. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2030 - 49 orang / hektar.
Kualiti Air di Lembangan Sungai	2014 ⁽¹⁾ <ul style="list-style-type: none"> ✓ Sg Pinang - Sederhana Tercemar (IKA - 62). ✓ Sg Perai - Sederhana Tercemar (IKA - 67). ✓ Sg Juru - Sederhana Tercemar (IKA - 62). ✓ Sg Jejawi - Sederhana Tercemar (IKA - 69). ✓ Sg Kerian - Bersih (81). ✓ Sg Keluang - Sederhana Tercemar (IKA - 79). 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Semua Lembangan Sungai perlu mencatat kualiti air bersih sekurang-kurangnya pada IKA - 81. <p><i>Nota: IKA - Indeks Kualiti Air IKA 81-100: B (Bersih) IKA 60-80: ST (Sederhana Tercemar) IKA 0-59: T (tercemar)</i></p>
Kualiti Air Marin (mg / l = milligram per liter) (ml = mililiter)	22 stesen pengawasan ⁽¹⁾ <ul style="list-style-type: none"> ✓ <i>E-Coli</i> - 4 stesen mencatat bacaan di bawah 100ml. ✓ Minyak Dan Gris - 2 stesen mencatat bacaan di bawah 2mg / l manakala 15 stesen mencatat bacaan melebihi 2mg / l dan kurang dari 4mg / l. ✓ Jumlah Pepejal Terampai - 20 stesen mencatatkan bacaan pada kelas III (50mg / l - 150mg / l). 	Kesemua stesen perlu mencatatkan bacaan seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> ✓ <i>E-Coli</i> di bawah 100ml atau <i>F-Coli</i> - Sekurang-kurangnya berada di kelas IIB 400 count / 100 ml. ✓ Minyak Dan Gris -di bawah 2 mg / l. ✓ Jumlah Pepejal Terampai - Sekurang-kurangnya berada di Kelas III (50 -150 mg / l).
Sisa Pepejal	2012 ⁽²⁾ <ul style="list-style-type: none"> ✓ Sisa Pepejal Dilupuskan di Tapak Pelupusan Setahun = 576,962 tan metrik. ✓ Jumlah Sisa pepejal 816,652 tan metrik. ✓ Kitar semula setahun ialah 239,691 tan metrik. ✓ Kadar Kitar Semula 29.35%. 	2030 <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kadar Kitar Semula 50%⁽³⁾

Sumber:

(1) Jabatan Alam Sekitar

(2) Laporan Tinjauan RSNPP 2030

(3) Penentuan Kadar Kitar Semula 50% Adalah Berdasarkan Kepada Hasrat Negeri Sebagai Sebuah Smart State/City Dan Menyahut Cabaran Bandar Rendah Karbon. Negara Singapura Mencatat Peratusan Sebanyak 61% (2013), Taiwan 60% (2011), Jepun 77%. Manakala Bagi Negara Di Sebelah Eropah Pula Seperti Austria 63%, Jerman 62%, Belgium 58%, Switzerland 51% dan Netherlands 51%.

A2.10 PENYUSUNAN PERBANDARAN DAN PETEMPATAN DESA YANG LEBIH SEIMBANG

Antara indikator yang dilihat ialah Hierarki Bandar dan Bilangan Kampung.

Jadual A.11 : Indikator Dan Pencapaian Penyusunan Perbandaran Dan Petempatan Desa

Indikator	Pencapaian Semasa dan Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Hierarki Perbandaran	<p>RSNPP 2020</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ 1 Pusat Pertumbuhan Wilayah/Ibu Negeri (George Town - Sungai Nibong, Butterworth - Seberang Jaya) ✓ 5 Pusat Separa Wilayah (Bayan Baru, Bukit Mertajam, Bertam/Kepala Batas, Batu Kawan dan Sri Ampangan). ✓ 25 Pusat Petempatan Utama. ✓ 25 Pusat Petempatan Kecil. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 1 Bandar Global - George Town ✓ 1 Pusat Wilayah - Butterworth ✓ 8 Bandar Utama: <ul style="list-style-type: none"> • Balik Pulau • Bayan Baru • Ayer Itam • PSR • Kepala Batas • Bukit Mertajam • Nibong Tebal • Bandar Cassia ✓ 33 Bandar Tempatan
Bilangan Kampung dan Persempadanan	<p>Terdapat 631 Kampung (Kajian Persempadanan Kampung Negeri Pulau Pinang 2009):</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ DTL - 84 ✓ DBD - 67 ✓ SPU - 225 ✓ SPS - 115 ✓ SPT - 140 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengemaskini dan mengekalkan status kampung-kampung yang sesuai dan layak berdasarkan kepada kajian di peringkat penyediaan Rancangan Tempatan dan lain-lain kajian yang bersesuaian.

Sumber: (1) RSNPP 2020
(2) Dasar Perbandaran Negara (DPN) 2
(3) Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN), 2030.

A2.11

PENINGKATAN PENYEDIAAN PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG LEBIH BERKUALITI

Antara indikator yang dilihat ialah bilangan unit rumah, bilangan unit rumah mampu milik, nisbah bilangan katil, bilangan klinik kesihatan, bilangan sekolah rendah dan bilangan sekolah menengah dengan penduduk. Pencapaian semasa menunjukkan petunjuk nisbah bagi kemudahan kesihatan dan pendidikan berada di tahap yang baik. Oleh itu cabaran bagi tahun 2030 adalah mengekalkan nisbah pencapaian ini supaya sentiasa berada di bawah nisbah yang ditetapkan.

Jadual A.12 : Indikator dan Pencapaian Penyediaan Perumahan dan Kemudahan Masyarakat

Indikator	Pencapaian Semasa / Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Unit Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2010 - 466,576⁽¹⁾ unit rumah ✓ 2016 - 519,189⁽²⁾ unit rumah ✓ Unjuran 2020 - 514,500⁽³⁾ unit rumah 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Unjuran 2030 - 742,520 unit kediaman.
Perumahan Mampu Milik	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2010 - 145,467⁽³⁾ unit rumah (mewakili 31.18%) ✓ 2016 - 157,979⁽⁴⁾ unit rumah (mewakili 30.43%) ✓ Unjuran 2020 - 153, 813⁽³⁾ unit rumah (mewakili 30.00%). 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Sekurang-kurangnya 30% dari unit rumah disediakan adalah perumahan mampu milik iaitu sejumlah 222,756 unit.
Nisbah Katil Hospital : Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2014 - 1 : 845⁽⁵⁾ 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 1: <1000⁽⁶⁾
Nisbah Bilangan Klinik Kesihatan : Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2014 - 1:20,571⁽⁵⁾ ✓ Sasaran 2020 - 1: 20,000 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 1: <20,000⁽⁷⁾
Nisbah Sekolah Rendah : Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2014 - 1: 6072⁽⁵⁾ 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 1: <7500⁽⁷⁾
Nisbah Sekolah Menengah : Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2014 - 1 : 12,958⁽⁵⁾ 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 1: <15,000⁽⁷⁾

Sumber: (1) Laporan Tinjauan RSNPP 2030
 (2) Laporan Stok Harta Kediaman, NAPIC
 (3) RSNPP 2020
 (4) Olahan Data Dari Bahagian Perumahan Negeri Pulau Pinang Dan Laporan Tinjauan RSNPP 2030
 (5) Olahan Data Dari Buku Data Asas Sosio-Ekonomi Negeri Pulau Pinang 2014-2015
 (6) Petunjuk 'World Health Organisation'
 (7) Piawaian Penyediaan Kemudahan Kesihatan dan Pendidikan
 Nisbah katil : penduduk hanya melibatkan hospital kerajaan



A2.12 PENGUKUHAN SISTEM PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN

Antara indikator yang dilihat ialah Kapasiti Lapangan Terbang, Keupayaan Pelabuhan dan Bilangan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu.

Jadual A.13 : Indikator dan Pencapaian Pembangunan Sistem Perhubungan dan Pengangkutan





Indikator	Pencapaian Semasa / Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
Lapangan Terbang	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2012 - Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) meningkatkan kapasiti dari 3.0 juta penumpang kepada 6.5 juta penumpang setahun. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Membesarkan Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) Bagi Menampung Peningkatan Kapasiti Kepada 12 Juta Penumpang Setahun. ✓ Meningkatkan Kapasiti Pengendalian Kargo.
Pelabuhan	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 2016 - Pengendalian Kontena Di NBCT - 2 juta TEUs (<i>Twenty-foot Equivalent Units</i>). 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengendalian Kontena di NBCT - 2.9 juta TEUs.
	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) - Kapasiti 3,000 Penumpang. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menaik Taraf <i>Swettenham Pier Cruise Terminal</i> (SPCT) - Kapasiti 12,000 Penumpang.
	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Peningkatan kapasiti Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) yang melibatkan projek pembesaran Pangkalan Kontena Utara Fasa 2B(I) dan Fasa 2B(II) iaitu tambahan dermaga kontena sepanjang 300 meter dan pembinaan sebuah lagi titi penghubung. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Membina Sebuah Terminal Cecair Pukal (<i>Liquid Bulk Terminal</i>) Yang Baharu Di Dermaga Prai Yang Akan Meningkatkan Jumlah Kendalian Tambahan Sebanyak 3 Juta Tan Setahun Dengan Kapasiti Simpanan Sebanyak 90,000 Meterpadu Pada Sesuatu Masa.
Bilangan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Butterworth - Penang Sentral. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ 3 Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu.

Sumber: (1) Laporan Tinjauan RSNPP 2030
 (2) Laporan Stok Harta Kediaman, NAPIC
 (3) RSNPP 2020
 (4) Olahan Data Dari Bahagian Perumahan Negeri Pulau Pinang Dan Laporan Tinjauan RSNPP 2030
 (5) Olahan Data Dari Buku Data Asas Sosio-Ekonomi Negeri Pulau Pinang 2014-2015

A2.13 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR BERTARAF NEGERI MAJU

Empat (4) Indikator Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti adalah Bekalan Air, Bekalan Elektrik, Pengairan dan Saliran serta Sistem Pembetulan.

Jadual A.14 : Indikator dan Pencapaian Pembangunan Infrastruktur dan Utiliti

Indikator	Pencapaian Semasa / Sasaran 2020 (RSNPP 2020)	Cadangan (Sasaran RSNPP 2030)
<p>Bekalan Air</p> 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pembrebaran Empangan Mengkuang telah dilaksanakan. ✓ <i>Non Revenue Water</i> (NRW) telah berkurangan kepada 21.5%. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kapasiti bekalan air akan ditingkatkan kepada 1,483,000 meter padu sehari (dengan <i>buffer</i> 30%). ✓ Mengurangkan NRW kepada 16.5%. ✓ Mewujudkan penyelarasan dasar dengan Negeri Kedah berhubung pengekalan sumber bekalan air Sungai Muda. ✓ Melaksanakan Skim Pembekalan Air Mentah Dari Negeri Perak (SPRWTS). ✓ Memastikan <i>intake point</i> terpelihara (Rantau Panjang Barrage, Lahar Tiang <i>Intake</i> dan Ulu Muda <i>Catchment</i>).
<p>Bekalan Elektrik</p> 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Stesen-stesen Janakuasa Perai telah dibaikpulih. ✓ Prestasi sistem pembahagian secara khas ke kawasan <i>Penang Cybercity</i> (PCC). 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kapasiti bekalan elektrik akan ditingkatkan kepada 2,241 megawatt. ✓ Menggalakkan penggunaan <i>Renewable Energy & Green Technology</i>. ✓ Menjalankan kajian bagi mewujudkan sumber tenaga alternatif untuk kawasan pembangunan baharu khususnya di PSR.
<p>Pengairan dan Saliran</p> 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menaik taraf sistem perparitan dan penyelenggaraan dilaksanakan untuk memastikan sistem perparitan dalam keadaan yang lebih teratur. ✓ Sistem pam dan kolam takungan perlu disediakan bagi kawasan rendah. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menyediakan Pelan Induk Saliran dan Tebatan Banjir. <ul style="list-style-type: none"> • Program Tebatan Banjir Berimpak Tinggi, • Rancangan / Program Tebatan Banjir / Caruman Perparitan dan • Rancangan / Program Tebatan Banjir Jangka Panjang.
<p>Sistem Pembetulan</p> 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Pelaksanaan penambahbaikan rangkaian paip kumbahan baharu, penyelenggaraan paip kumbahan sedia ada serta menaik taraf paip-paip kumbahan. 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mewujudkan sistem pembetulan berpusat di semua kawasan pembangunan baharu. ✓ Menaik taraf sistem pembetulan di kawasan pembangunan sedia ada.

Sumber: (1) Laporan Tinjauan RSNPP 2030
(2) RSNPP 2020

RSNPP 2030 Mengandungi Visi dan Misi Perancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang Sehingga Tahun 2030 Berserta 5 Teras Pembangunan. Sehubungan Itu Dasar-Dasar Perancangan Dibentuk Bersama Langkah-Langkah Pelaksanaan. Ia Seterusnya Diterjemahkan Ke Dalam Gambarajah Utama Sebagai Halatuju Perancangan Dan Pembangunan Negeri Pulau Pinang.

VISI

MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI
SEBUAH NEGERI PINTAR
HARMONI DAN BERTARAF
ANTARABANGSA

RINGKASAN

DPU : DASAR PERANCANGAN UTAMA
DSP : DASAR STRATEGIK PELAKSANAAN
L : LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN

MISI

Menjadikan Negeri Pulau Pinang Negeri Berdaya Huni Yang Terbaik Di Malaysia Dengan Melengkapkan Rangkaian Infrastruktur yang Efisen, Membangunkan Modal Insan Yang Berdaya Saing, Menjana Ekonomi Yang Dinamik, Dengan Urus Tadbir Yang Cepak, Selaras Dengan Perkembangan Teknologi Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Yang Bersih, Hijau, Selamat Dan Sihat

TERAS 1

**INFRASTRUKTUR
INKLUSIF DAN
KESALINGHUBUNGAN
MENYELURUH**

DPU	DSP	L
Rangkaian Infrastruktur Pengangkutan	10	30
Kecekapan Perkhidmatan Pengangkutan	2	7
Penyediaan Kemudahan Utiliti	8	29
Jumlah	20	66

TERAS 2

**MODAL INSAN YANG
KREATIF DAN INOVATIF**

DPU	DSP	L
Membentuk Masyarakat Harmoni Penyayang Dan Berbudaya Murni	5	31
Penyediaan Prasarana	2	7
Penyediaan Kemudahan Masyarakat	7	21
Jumlah	14	59

TERAS 3

**EKONOMI
BERDAYA SAING,
BERNILAI TINGGI DAN
BERTARAF GLOBAL**

DPU	DSP	L
Memperkuatkan Pertumbuhan Ekonomi Negeri Di Tahap Antarabangsa	2	21
Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampuan, Berdaya Saing Dan Bernilai Tinggi	5	28
Jumlah	7	49

DASAR KHUSUS

Perkara	DK	L
Pembangunan Di Persempadanan Negeri Pulau Pinang	3	7
Pemuliharaan Dan Pembangunan Kawasan Kampung	3	10
Pengurusan Persisiran Pantai Dan Tebus Guna Tanah	3	12
Jumlah	9	29

TERAS 4

**URUS TADBIR
KERAJAAN YANG BAIK**

DPU	DSP	L
Mekanisma Pelaksanaan	2	12

TERAS 5

**PEMBANGUNAN MAMPAN, MESRA ALAM
DAN BERDAYA HUNI**

DPU	DSP	L
Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	6	27
Pembangunan Spatial Berpandukan Kepada Rancangan Pemajuan	4	13
Membentuk Persekitaran Yang Kondusif	2	9
Pendekatan Teknologi Hijau	3	10
Jumlah	15	59


**GAMBARAJAH
UTAMA**

A4.0 EVOLUSI RSNPP 2020 KEPADA RSNPP 2030

Akta 172

Seksyen 11. Kajian semula atau pengubahan semula rancangan struktur

- (1) Sesuatu Rancangan Struktur yang telah mula berkuatkuasa adalah tertakluk kepada kajian semula setiap lima tahun seiring dengan penyediaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri. Kajian semula itu hendaklah berkaitan dengan seluruh Negeri itu.



Disediakan berdasarkan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Proses kajian semula RSNPP 2020 dan penyediaan RSNPP 2030 secara amnya melibatkan 4 peringkat seperti berikut:-

Peringkat Pertama di dalam proses kajian semula RSNPP 2020 ialah menyediakan Terma Rujukan. Terma Rujukan ini perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perancang Negeri. Berikutan dari itu Laporan Awal disediakan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal untuk kelulusan dan maklumbalas.

Di **Peringkat Kedua**, proses penyediaan adalah melibatkan penyediaan Laporan Tinjauan sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 11A. Laporan Tinjauan ialah satu laporan yang membentangkan pengumpulan data-data semasa, analisis dan unjuran yang disediakan bagi menyokong kepada isu-isu, prospek serta cadangan awal bagi setiap sektor yang dikaji. Laporan Tinjauan ini juga akan memberi penilaian kekuatan dan kelemahan dasar-dasar yang telah dinyatakan dalam RSNPP 2020 dan memberi pengesyoran sama ada dasar-dasar tersebut perlu digugur, dikekalkan atau dipinda.

Di Peringkat ini juga, Publisiti Laporan Tinjauan diadakan sepertimana peruntukkan di bawah Seksyen 9(1)(a). Manakala Penyataan Hasil Publisiti Laporan Tinjauan dikemukakan seperti peruntukkan Seksyen 9(4).


Peringkat seterusnya iaitu **Peringkat Ketiga**, di mana penyediaan Draf RSNPP 2030 dibuat sepertimana peruntukkan Seksyen 11(1). Sehubungan dengan itu juga publisiti dan penyertaan awam Draf RSNPP 2030 dilakukan (Seksyen 9(2)(b)) dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal/Pemandu.

Lanjutan dari itu, menurut Seksyen 10(3), satu Laporan Representasi dan Penyataan Awam disediakan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran bagi menilai dan mengambilkira bantahan-bantahan yang telah dikemukakan.

Di **Peringkat Akhir**, proses penyediaan melibatkan perakuan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) (Seksyen 10(1)), perundingan dengan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) (Seksyen 10 4(a)), dan Persetujuan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan seterusnya Pewartaan sepertimana peruntukkan di bawah Seksyen 10(6) & 10(7), Akta 172.

Proses kajian semula ini ditunjukkan dalam **Infografik A.6**

Infografik A.6 : PROSES KAJIAN SEMULA RSNPP 2020



RINGKASAN	
RSNPP	: RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG
JPN	: JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI
MPFN	: MAJLIS PERANCANGAN FIZIKAL NEGARA
PBN	: PIHAK BERKUASA NEGERI



Sumber : Laporan Tinjauan RSNPP 2030

A6.0 PENDEKATAN MEMBENTUK RSNPP 2030

RSNPP 2030 Di Bentuk Berdasarkan Sepuluh (10) Asas Utama.

10 asas utama yang dirujuk di dalam penyediaan RSNPP 2030 adalah seperti berikut:-

- 1 Penilaian Pencapaian RSN 2020 Dan Mengambilkira Keperluan Masa Hadapan;
- 2 Rumusan Penemuan Dari Laporan Tinjauan Dan Laporan Penilaian Dasar RSNPP 2020;
- 3 Mengambilkira Polisi-Polisi Baharu Yang Diketengahkan Di Peringkat Nasional Dan Antarabangsa;
- 4 Mengambilkira Perancangan Di Dalam RFN 3;
- 5 Mengambilkira Perancangan Di Dalam DPN 2;
- 6 Mengambilkira Perancangan Di Dalam DPF DN 2030;
- 7 Mengambilkira Kemajuan Teknologi Hijau Dan 'Sustainable Development Goal';
- 8 Konsep Bandaraya Pintar;
- 9 Aspirasi Penang 2030; Dan
- 10 Perubahan Luaran Dan Dalam.



A7.0 PROFIL KAWASAN RSNPP 2030



Kedudukan Negeri Pulau Pinang yang strategik sentiasa menjadi tarikan dunia. Keunikan identiti Negeri Pulau Pinang bukan sahaja dikenali sebagai antara destinasi pelancongan domestik, tetapi turut berjaya menambat hati pelancong luar negara. Ini terbukti apabila pada 2017 Negeri Pulau Pinang telah tersenarai di tangga ke dua dari 17 lokasi terbaik dunia yang perlu dilawati bagi tahun 2017.



Negeri Pulau Pinang juga dikenali sebagai *'Pearl of Orient'* / Pulau Mutiara. Di samping itu juga, ianya merupakan *'Silicon Valley of The East'* kerana kemajuan industrinya. Negeri Pulau Pinang juga merupakan salah satu kuasa ekonomi yang paling penting di Malaysia, dimana Negeri Pulau Pinang mempunyai KDNK per kapita tertinggi di kalangan semua negeri di Malaysia. Negeri Pulau Pinang juga menduduki tempat ketiga tertinggi dalam Indeks Pembangunan Manusia di Malaysia selepas Negeri Selangor dan Wilayah Persekutan Kuala Lumpur (2015).

Secara fizikalnya, Negeri Pulau Pinang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian Pulau dan Seberang Perai. Ianya terletak di utara Semenanjung Malaysia dan di sempadani oleh beberapa negeri di bahagian Seberang Perai iaitu Negeri Kedah di sebelah Utara dan Timur serta Negeri Perak di bahagian Selatan (rujuk **Rajah 1**).

Negeri Pulau Pinang terdiri daripada 5 daerah iaitu Daerah Timor Laut dan Daerah Barat Daya di bahagian Negeri Pulau Pinang serta Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Selatan di kawasan Tanah Besar. Ibu Negeri bagi Negeri Pulau Pinang adalah George Town dan ianya disokong oleh beberapa bandar utama lain seperti Bayan Baru, Jelutong, Tanjung Tokong, Bandar Baru Ayer Itam, Butterworth, Bukit Mertajam dan Kepala Batas/ Bandar Bertam (rujuk **Rajah 2**).





Keluasan rasmi Negeri Pulau Pinang adalah seluas 104,868 hektar (259,128 ekar).

Dalam konteks RSNPP 2030, kajian telah mengambilkira keseluruhan Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan tanah tebus guna sedia ada dan cadangan seluas 3,178.49 ekar serta cadangan 'Penang South Reclamation' (PSR) kira-kira seluas 4,500 ekar.

Jumlah penduduk Negeri Pulau Pinang pada tahun 2014 adalah 1,645,700 juta orang berbanding pada tahun 2010 iaitu 1,526,324 orang. Ini menunjukkan peningkatan dengan purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.9%. Penduduk Negeri Pulau Pinang dijangka mencapai 2.29 juta orang menjelang 2030 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan (KPPT) sebanyak 1.6%.


Aktiviti utama penduduk Negeri Pulau Pinang adalah tertumpu pada sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Pertumbuhan pesat Negeri Pulau Pinang perlu disokong oleh penyediaan infrastruktur yang baik termasuklah perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien.

Minat dan kecenderungan pelabur untuk pembangunan lebih menjurus kepada bahagian pulau. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi isu tanah yang terhad, tebus guna tanah adalah di antara kaedah penyelesaian alternatif yang berkesan.


Dari segi pentadbiran politik, Negeri Pulau Pinang mempunyai 13 kawasan Parlimen dan 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).





PETUNJUK


	Kawasan Kajian		Sempadan Antarabangsa
	Lebuhraya		Sempadan Negeri



RAJAH 1

**KEDUDUKAN NEGERI PULAU PINANG
DALAM KONTEKS WILAYAH**





KAWASAN KAJIAN

KELUASAN RASMI NEGERI PULAU PINANG - 104,868.00 HEKTAR
 KELUASAN TEBUS GUNA TANAH SEDIA ADA - 228.24 HEKTAR

CADANGAN TEBUS GUNA TANAH

PETUNJUK

- | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Lebuhraya | ✈ Lapangan Terbang |
| Jalanraya | ⚓ Pelabuhan Utama |
| Landasan Keretapi | 🚢 Terminal Feri |
| Sempadan Negeri | ⚓ Pelabuhan Kapal Layar |
| Sempadan Daerah | Sungai & Empangan |
| Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu | |



RAJAH 2

KAWASAN KAJIAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2030



MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU
PINANG
SEBAGAI SEBUAH
NEGERI PINTAR,
HARMONI DAN
BERTARAF
ANTARABANGSA

RSN

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030



ARAH TUJU **B**

Visi, Misi, Objektif Dan Teras	1.0	B – 1
Keterangan Kata Kunci	2.0	B – 2 - 3
Aspirasi <i>Penang</i> 2030	3.0	B – 4



B1.0 VISI, MISI, OBJEKTIF & TERAS

RSNPP 2030 telah menetapkan visi pembangunan yang disokong oleh misi, objektif dan 5 Teras Pembangunan.

VISI

MEMAKMURKAN NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI SEBUAH NEGERI PINTAR, HARMONI & BERTARAF ANTARABANGSA

PROSPERING PENANG AS A SMART STATE FEATURING INTERNATIONAL STATUS AND HARMONY

MISI

Menjadikan Negeri Pulau Pinang Negeri Berdaya Huni Yang Terbaik Di Malaysia Dengan Melengkapkan Rangkaian Infrastruktur yang Efisien, Membangunkan Modal Insan Yang Berdaya Saing, Menjana Ekonomi Yang Dinamik, Dengan Urus Tadbir Yang Cepak, Selaras Dengan Perkembangan Teknologi Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Yang Bersih, Hijau, Selamat Dan Sihat.

OBJEKTIF

- Objektif 1: Mewujudkan Sistem Pengangkutan Yang Cepak Dan Dipercayai Serta Perumahan, Kemudahan Awam Dan Infrastruktur Yang Lengkap
- Objektif 2: Membentuk Masyarakat Sejahtera, Berilmu Berkualiti, Berdaya Saing Dan Berbudaya Cemerlang
- Objektif 3: Memacu Ekonomi Negeri Dengan Keistimewaan Tempatan Ke Arah Pengiktirafan Antarabangsa
- Objektif 4: Memastikan Urus Tadbir Kerajaan Yang Baik Dan Mesra Rakyat
- Objektif 5: Merancang Pembangunan Secara Mampan Bagi Mencapai Persekitaran Yang Bersih, Hijau, Selamat Dan Sihat.

TERAS

- Teras 1: Infrastruktur Inklusif Dan Kesalinghubungan Menyeluruh
- Teras 2: Modal Insan Yang Kreatif Dan Inovatif
- Teras 3: Ekonomi Berdaya Saing, Bernilai Tinggi Dan Bertaraf Global
- Teras 4: Urus Tadbir Kerajaan Yang Baik
- Teras 5: Pembangunan Mampan, Mesra Alam Dan Berdaya Huni

B2.0 KETERANGAN KATA KUNCI


Penyataan Visi Yang Mengambil Beberapa Kata Kunci Membawa Maksud Yang Tersendiri Di dalam Acuan Pembangunan Negeri Pulau Pinang. Berikut Adalah Keterangan Kata Kunci Tersebut.

☐ Negeri Pintar – *Smart State*

Negeri Pulau Pinang akan terus mengorak langkah sebagai sebuah negeri maju yang memiliki pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menawarkan persekitaran hidup yang kondusif. Sebagai sebuah negeri pintar, ia akan terus bergerak dengan kecemerlangan dalam urus tadbir, mobiliti, pengawalan alam sekitar, kesejahteraan hidup masyarakat dan ekonominya yang mampu dicapai melalui pembangunan modal insan, persefahaman sosial, dan infrastruktur ICT yang berkualiti dan menyeluruh.

Indeks-indices petunjuk bandar berdaya saing dunia terkini memberi gambaran bahawa Negeri Pulau Pinang kini dalam landasan yang tepat untuk mencapai sasaran sebagai sebuah Negeri Pintar.

Infografik B.1 : Senarai Indeks Bandar Berdaya Saing Yang Boleh Disertai Oleh Bandar-Bandar Utama Di Malaysia.



Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015.

- (1) Cyberjaya
- (2) Wilayah Iskandar



❑ Pulau Pinang Harmoni - *Penang Harmony*

Harmoni sosial adalah keadaan di mana individu hidup seiringan dan serasi dengan tujuan masyarakatnya. Ianya dapat menjalani hidup secara aman dan baik sesuai dengan hasrat dan posisi sosialnya. Kepelbagaian dan kekayaan budaya adalah ciri unik masyarakat Negeri Pulau Pinang yang perlu dihormati bagi mewujudkan perasaan saling menghargai antara satu sama lain.

Pembudayaan ini turut meliputi sikap dan nilai-nilai toleransi, saling memahami, dan menghargai perbezaan yang ada antara kelompok masyarakat; di segenap latar dan peringkat umur masyarakat.

Harmoni juga melibatkan pengagihan elemen-elemen fizikal dan agihan guna tanah secara saksama dengan mengambilkira kesesuaian dan kesaling hubungan di antara elemen-elemen tersebut.

Pulau Pinang Harmoni; Keadaan yang telah pun sedia wujud di negeri ini sejak sekian lama perlu terus dikekalkan dan diperkukuhkan sebagai salah satu asas dalam meneraju kesejahteraan pembangunan di masa hadapan.

❑ Bertaraf Antarabangsa – *International Status*

Kedudukan (*positioning*) Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah hub ekonomi di peringkat serantau dan antarabangsa akan terus kukuh melalui persefahaman dan pewujudan peluang-peluang pelaburan dalam sektor perdagangan, perindustrian, pelancongan dan lain-lain sektor ekonomi.

Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah **destinasi pelaburan dan pelancongan antarabangsa**, akan terus mengekalkan persekitarannya yang kondusif dengan sokongan infrastruktur yang terbaik berlatarkan kepelbagaian budaya dan citarasa.

Sebagai tunjang utama bagi pertumbuhan ekonomi Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, Negeri Pulau Pinang akan kekal sebaris dengan bandar dan konurbasi lain negara dalam mewujudkan peluang-peluang daya huni dan ekonomi yang mampan.

Nota Rujukan :-

Definisi kata kunci disesuaikan dan dirumuskan dari beberapa rujukan bagi menjurus ke arah mencapai Visi RSNPP 2030,

- *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.*
- *Oxford Dictionary, 2017.*
- *United Nations Development Programme (Strategy for Inclusive and sustainable growth report 2017).*



A Family-focused Green and Smart State
that Inspires the Nation

PENANG 2030: Negeri Berorientasi Keluarga, Hijau Dan Pintar Untuk Inspirasi Negara

Wawasan dan Pelan Tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membawa Negeri Pulau Pinang ke suatu tahap yang baharu. Keutamaan dan gagasan yang lebih jelas dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai model untuk negara dan dunia. Halatuju Penang 2030 memberi penekanan kepada pembangunan keluarga dalam negeri yang hijau dan pintar dengan menyelaraskan pelan-pelan perancangan terdahulu untuk memastikan supaya pelan-pelan baru ini menuju impian yang sama, iaitu Negeri Pulau Pinang yang makmur dari segi ekonomi dan sosial, gembira serta harmoni.

Penang 2030 ditunjangi dengan **EMPAT TEMA**. Tema-tema berkaitan adalah tidak disenaraikan mengikut keutamaan, kerana semuanya mempunyai kepentingan tersendiri.

❑ Tema Pertama: Meningkatkan Daya Huni Sebagai Peningkatan Kualiti Kehidupan (Increase Liveability To Enhance Quality Of Life)

- Memberi perhatian kepada isu perumahan mampu milik dan kepelbagaian
- Meningkatkan keselamatan dan kebersihan awam
- Meningkatkan sistem kebajikan dan penjagaan
- Mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan, kesenian dan kebudayaan

❑ Tema Kedua: Menaik Taraf Ekonomi Untuk Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah (Upgrade The Economy To Raise Household Income)

- Mempercepatkan kesediaan industri pembuatan tempatan seiring perkembangan digital dan ekonomi hijau
- Memodenkan dan mempelbagaikan pertanian mampan
- Mewujudkan pelbagai produk pelancongan berkualiti merentasi kawasan bahagian pulau dan Seberang Perai.
- Memupuk ekosistem yang dapat memelihara industri kreatif serta perkhidmatan pemiagaan

❑ Tema Ketiga: Memperkasa Rakyat Bagi Meningkatkan Penyertaan Umum (Empower People To Strengthen Civic Participation)

- Meningkatkan keupayaan/pembabitan masyarakat yang lemah dan mengurangkan ketidaksamarataan
- Merangsang penyertaan belia, wanita dan warga emas dalam kehidupan komuniti
- Mencipta lebih banyak platform untuk penglibatan masyarakat dalam pembangunan sosial
- Mempercepatkan penyampaian program dan pembentukan institusi

❑ Tema Keempat: Melabur Dalam Persekitaran Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bagi Meningkatkan Daya Tahan Dalam Pelbagai Keadaan (Invest In The Built Environment To Improve Resilience)

- Mengimbangi pembangunan melalui perancangan ruang yang berkesan
- Memperkukuh mobiliti, ketersambungan dan infrastruktur digital
- Mengintegrasikan perkhidmatan perbandaran dengan teknologi pintar
- Melaksanakan pelan adaptasi berkaitan perubahan iklim



MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU
PINANG
SEBAGAI SEBUAH
NEGERI PINTAR,
HARMONI DAN
BERTARAF
ANTARABANGSA

RSN

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030



TERAS, DASAR PERANCANGAN UTAMA, DASAR STRATEGIK DAN LANGKAH PELAKSANAAN

C

TERAS 1 : Infrastruktur Inklusif Dan Kesalinghubungan Menyeluruh 1.0 C1 – 1-13

TERAS 2 : Modal Insan Yang Kreatif Dan Inovatif 2.0 C2 – 1-11

TERAS 3 : Ekonomi Berdaya Saing, Bernilai Tinggi Dan Bertaraf Global 3.0 C3 – 1-10

TERAS 4 : Urus Tadbir Kerajaan Yang Baik 4.0 C4 – 1-3

TERAS 5 : Pembangunan Mampan, Mesra Alam Dan Berdaya Huni 5.0 C5 – 1-12



INFRASTRUKTUR INKLUSIF DAN KESALINGHUBUNGAN MENYELURUH

TERAS 1 INFRASTRUKTUR INKLUSIF DAN KESALINGHUBUNGAN MENYELURUH		
DPU	DSP	L
<i>Rangkaian Infrastruktur Pengangkutan</i>	10	30
<i>Kecekapan Perkhidmatan Pengangkutan</i>	2	7
<i>Penyediaan Kemudahan Utiliti</i>	8	29
Jumlah	20	66

Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa merupakan pusat ekonomi yang dinamik serta mempunyai budaya dan warisan yang sentiasa diraikan. Kepsatan pembangunan yang berlaku di koridor George Town - Bayan Lepas dan kawasan-kawasan tumpuan utama di Seberang Perai (Butterworth - Bukit Mertajam - Jawi, Batu Kawan dan Kepala Batas / Bandar Bertam) telah meningkatkan isipadu lalu lintas semasa yang lebih tertumpu kepada penggunaan Jalanraya.

Pada tahun 2011, satu kajian pelan induk pengangkutan telah dijalankan bagi mengenalpasti isu dan strategi pengangkutan di Negeri Pulau Pinang. Pelan Induk Pengangkutan Negeri (PTMP) bertujuan menjadi rangka kerja perancangan pembangunan dan penambahbaikan sistem pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Ianya melibatkan penambahbaikan Lebuhraya dan Jalanraya, pengangkutan awam dan kemudahsampaian, kajian pra-fisibiliti pengangkutan air dan strategi-strategi pelaksanaan. Pelan induk ini diambilkira sepenuhnya di dalam pembentukan dasar pengangkutan RSNPP 2030.

Selaras dengan kemajuan pengangkutan, penaikan taraf dan pembangunan utiliti juga perlu seiring bagi menyokong kepesatan pertumbuhan negeri. Penyediaan utiliti hendaklah mencukupi dan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi hijau dan pendekatan baharu, sepertimana yang dinyatakan di dalam dasar dan langkah-langkah pelaksanaan yang terlibat.

Pembentukan **Teras 1** memberi fokus kepada pemantapan dan pengukuhan perancangan infrastruktur dan kesalinghubungan. **3 Dasar Utama** dibentuk dan disokong oleh **20 Dasar Strategik Pelaksanaan** bersama **66 Langkah-langkah Pelaksanaan**.



Jadual C.1 : Ringkasan DPU dan DSP Bagi Teras 1

DPU 1.1	DPU 1.2	DPU 1.3
<p>MENGUKUHKAN RANGKAIAN DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN DI SELURUH NEGERI PULAU PINANG</p>	<p>MENINGKATKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN DAN KESELESAAN PENGANGKUTAN AWAM</p>	<p>MENYEDIAKAN KEMUDAHAN UTILITI YANG BERKESAN DAN MELAKSANAKAN INISIATIF TEKNOLOGI HIJAU</p>
<p>DSP 1.1.1 Menaik Taraf Kemudahan Dan Meningkatkan Kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang Bagi Menampung Peningkatan Penumpang Dan Pengendalian Kargo</p>	<p>DSP 1.2.1 Memastikan Liputan Pengangkutan Awam Yang Menyeluruh Dan Efisien.</p>	<p>DSP 1.3.1 Meningkatkan Infrastruktur Telekomunikasi Ke Arah Menjadikan Negeri Pulau Pinang Sebagai Negeri Pintar.</p>
<p>DSP 1.1.2 Menaik Taraf Dan Meningkatkan Kapasiti Pelabuhan Iaitu Terminal Kargo Butterworth Utara (NBCT), Terminal Kargo Butterworth, Dermaga Kargo Pukal Perai Dan Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT)</p>	<p>DSP 1.2.2 Menawarkan Pengangkutan Awam Yang Efisien, Selesa Dan Rendah Karbon.</p>	<p>DSP 1.3.2 Menggalakkan Penggunaan Gas Asli Sebagai Sumber Alternatif Untuk Kegunaan Industri Pembuatan, Automotif Dan Domestik.</p>
<p>DSP 1.1.3 Menjadikan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PTMP) Sebagai Asas Rujukan Utama Dalam Melaksanakan Pembangunan Pengangkutan</p>		<p>DSP 1.3.3 Melaksanakan Program Peningkatan Kapasiti Bekalan Air Mentah Selaras Dengan Pertambahan Permintaan Dan Sumber Air Melalui IRBM (<i>Integrated River Basin Management</i>), Serta Kaedah-Kaedah Guna Semula Yang Berteknologi Hijau.</p>
<p>DSP 1.1.4 Menjadikan Negeri Pulau Pinang Sebagai Hub Pengangkutan Darat Di Wilayah Utara.</p>		<p>DSP 1.3.4 Memastikan Sistem Saliran Dan Perparitan Yang Terurus.</p>
<p>DSP 1.1.5 Menggunakan Sistem Pengangkutan Yang Inovatif Dan Berteknologi Hijau Dalam Perancangan Pembangunan</p>		<p>DSP 1.3.5 Menyediakan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi.</p>
<p>DSP 1.1.6 Meningkatkan Kecekapan Dalam Pembinaan, Penyelenggaraan Jalan Dan Pengurusan Lalulintas.</p>		<p>DSP 1.3.6 Mewujudkan Sistem Pembetulan Berpusat.</p>
<p>DSP 1.1.7 Membangunkan Infrastruktur Rel Bagi Melengkapkan Rangkaian Perhubungan Negeri.</p>		<p>DSP 1.3.7 Mewujudkan Satu Sistem Pengurusan Dan Perkhidmatan Buangan Sisa Pepejal Dan Sisa Terjadual Yang Lebih Cekap Dan Berkesan.</p>
<p>DSP 1.1.8 Menaik Taraf Jeti Feri Sedia Ada Dan Menyediakan Jeti Baharu Serta Infrastruktur Sokongan Bagi Melaksanakan Perkhidmatan 'Water Taxi'.</p>		<p>DSP 1.3.8 Memastikan Kemudahan Infrastruktur Dan Utiliti Dibekalkan Dengan Sempurna Dan Mencukupi.</p>
<p>DSP 1.1.9 Memastikan Sistem Rangkaian Jalan Yang Lebih Cekap Dan Berkesan Untuk Mengurangkan Masa Dan Kos Perjalanan Di Samping Meningkatkan Keselesaan Dan Keselamatan Di Jalanraya.</p>		
<p>DSP 1.1.10 Menyediakan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Selamat Secara Menyeluruh Khususnya Di Kawasan Pembangunan Dan Tarikan Utama.</p>		

DPU 1.1

MENGUKUHKAN RANGKAIAN DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN DI SELURUH NEGERI PULAU PINANG

DPU
1.1

10
DSP

30
langkah

Terdapat 10 DSP Di Bawah DPU 1.1, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 30 Langkah-Langkah pelaksanaannya.

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 1.1.1 :	MENAIK TARAF KEMUDAHAN DAN MENINGKATKAN KAPASITI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG (LTAPP) BAGI MENAMPUNG PENINGKATAN PENUMPANG DAN PENGENDALIAN KARGO	-	
L 1.1.1.1 :	Membesarkan Bangunan Terminal LTAPP Bagi Menampung Peningkatan Kapasiti Kepada 12 Juta Penumpang Setahun Seiringan Dengan Peranan Negeri Pulau Pinang Sebagai Hub Perdagangan Dan Pelancongan Antarabangsa.	DS 16 L1 DS 45 L6 DS 45 L7 DS 45 L8	BPEN, MAHB
L 1.1.1.2 : (Rujuk Bersama L 5.1.2.2)	Mengezonkan Kawasan-Kawasan Di Sekitar LTAPP Untuk Aktiviti-Aktiviti Sokongan Dan Kegunaan Lapangan Terbang Dengan Meningkatkan Dan Membesarkan Terminal Bagi Pengendalian Kargo Udara Ke Arah Mencapai Keupayaan Pengendalian Kargo.	DS 45 L2 DS 45 L6	PBT
L1.1.1.3 :	Menghubungkan LTAPP Dengan Pembangunan <i>Penang South Reclamation</i> (PSR) Dan Kawasan-Kawasan Lain Melalui Rangkaian Pengangkutan Rel Bagi Meningkatkan Mobiliti Penumpang dan Barangan.	-	BPEN, PBT
DSP 1.1.2 :	MENAIK TARAF DAN MENINGKATKAN KAPASITI PELABUHAN IAITU TERMINAL KARGO BUTTERWORTH UTARA (NBCT), TERMINAL KARGO BUTTERWORTH, DERMAGA KARGO PUKAL PERAI DAN SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL (SPCT)	DS 45 L1	
L 1.1.2.1 :	Menyediakan Pelan Induk Pembangunan Terminal/Dermaga.	-	SPPP
L 1.1.2.2 :	Meningkatkan Kecekapan Pengendalian Kontena Di NBCT Daripada 2 Juta TEUs (<i>Twenty-foot Equivalent Unit</i>) kepada 2.9 Juta TEUs Dengan Pembesaran Dermaga N1, N2 & N3 Bagi Membolehkan Kemasukan Kren Yang Bersaiz Besar.	-	SPPP
L 1.1.2.3 :	Membangunkan <i>Container Stacking Yard</i> Di NBCT Dengan 4,000 TGS (<i>Total Ground Slots</i>) Yang Akan Meningkatkan Kapasiti Yard Daripada 2.2 Juta TEUs Kepada 3.2 juta TEUs Setahun.	-	SPPP

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
L 1.1.2.4	Membina Sebuah Terminal Cecair Pukal (<i>Liquid Bulk Terminal</i>) Yang Baharu Di Dermaga Prai Yang Akan Meningkatkan Jumlah Kendalian Tambahan Sebanyak 3 Juta Tan Setahun Dengan Kapasiti Simpanan Sebanyak 90,000 Meterpadu Pada Sesuatu Masa.	-	SPPP
L 1.1.2.5	Menaik Taraf <i>Swettenham Pier Cruise Terminal</i> (SPCT) Menerusi Konfigurasi Berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Kajian <i>Carrying Capacity/Limit Of Acceptable</i> Perlu Dilaksanakan • Memanjangkan Dermaga Supaya Dapat Menampung Pada Sesuatu Masa Sebuah Kapal Persiaran Penumpang Kelas Mariner Dan Sebuah Kapal Persiaran Penumpang Kelas Quantum, Masing-masing Berukuran 300 Meter Dan 319 Meter Panjang. • Mewujudkan 'Apron' Dermaga Yang Lebih Luas Serta Membina Semula Galeri Lambaian Baharu Yang Dilengkapi Dengan Kemudahan <i>Travelators</i> Dan Lain-lain Kemudahan Sokongan. • Kawasan Terminal Penumpang Juga Akan Dibangunkan Supaya Dapat Mengendali 12,000 Penumpang Pada Sesuatu Masa Berbanding Kapasiti Masakini Sebanyak 3,000 Penumpang Sahaja. • Mewujudkan <i>Sense Of Place</i> Tapak Warisan Dunia George Town 	-	SPPP
DSP 1.1.3	MENJADIKAN PELAN INDUK PENGANGKUTAN NEGERI PULAU PINANG (PTMP) SEBAGAI ASAS RUJUKAN UTAMA DALAM MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN PENGANGKUTAN	-	
L 1.1.3.1	Meningkatkan Kelancaran Pergerakan Perjalanan, Kebolehubungan Dan Kemudahsampaian.	-	BPEN, PBT, JKR, APAD,
L 1.1.3.2	Melaksanakan Rancangan Menaik Taraf Lebuhraya Dan Jalanraya.	-	BPEN, JKR, PBT, LLM
L 1.1.3.3	Melaksanakan Pembangunan Pengangkutan Air Bersepadu.	-	JLM, PBT, BPEN
L 1.1.3.4	Melaksanakan Rancangan Menaik Taraf Pengangkutan Awam Dengan Sasaran <i>Modal Split</i> 40% Penggunaan Pengangkutan Awam dan 60% Kenderaan Persendirian. Mod-Mod Pengangkutan Awam Adalah Terdiri Daripada : <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan Rel • Bas • Feri • <i>Water Taxi</i> 	-	BPEN, PBT, APAD, JLM



Sumber : <http://feripulaupinang.com/>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 1.1.4	MENJADIKAN NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI HUB PENGANGKUTAN DARAT DI WILAYAH UTARA	-	
L 1.1.4.1	Menaik Taraf Hub Pengangkutan Di Butterworth, George Town Dan Bayan Lepas.	DS 44 L1	JKR, PBT, APAD
L 1.1.4.2	Melaksanakan Sistem Pengangkutan Wilayah Berintegrasi Yang Berpusat Di George Town Dan Butterworth, Antaranya Menggunakan Tiket Berkomputer, Tiket Berintegrasi, GPS Dan Lain-lain.	DS 44 L1	KTMB, APAD, JKR, PBT, SKMM
L 1.1.4.3	Menguuhkan Rangkaian Lebuhraya Dan Jalanraya Di Seluruh Negeri Pulau Pinang.	DS 43	JKR, PBT, LLM
DSP 1.1.5 <i>(Rujuk Bersama DSP 5.4.2)</i>	MENGGUNAPAKAI SISTEM PENGANGKUTAN YANG INOVATIF DAN BERTEKNOLOGI HIJAU DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN	-	
L 1.1.5.1 <i>(Rujuk Bersama L 3.1.1.6)</i>	Menggunakan Konsep Perancangan Dan Pembangunan Seperti 'Transit Oriented Development', 'Compact City', 'Intelligent Urbanism' 'Smart Growth' dan 'Eco City'.	-	BPEN, PMPP, PBT, PGC
L 1.1.5.2 <i>(Rujuk Bersama L 1.1.9.2 L 5.4.2.2)</i>	Memastikan Infastruktur Pengangkutan Dan Lalulintas Yang Menggunakan 'Intelligent Transport System (ITS)', 'Intelligent Traffic Control', 'Alternative Fuel Vehicle', 'Non-Fuel Transport'.	-	BPEN, PMPP, PBT, PGC
DSP 1.1.6	MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM PEMBINAAN, PENYELENGGARAAN JALAN DAN PENGURUSAN LALULINTAS	-	
L 1.1.6.1	Meningkatkan Kecekapan Melalui Kerjasama Dan Penyelarasan Di Antara Agensi-Agensi Dalam Pembinaan Dan Penyelenggaraan Jalan.	-	JKR, PBT
L 1.1.6.2	Meminimakan Kacau Ganggu Awam Dan Risiko Banjir Serta Memastikan Keselamatan Awam Semasa Proses Pembinaan Dan Penyelenggaraan Jalan.	-	JKR, PBT, JPS
DSP 1.1.7	MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR REL BAGI MELENGKAPKAN RANGKAIAN PERHUBUNGAN NEGERI	-	
L 1.1.7.1	Membina Infrastruktur Rel Yang Menghubungkan Kawasan Pembangunan Utama Negeri.	DSU 12 L2	BPEN, KTMB PBT, APAD
L 1.1.7.2	Menggunakan Sistem Rel Berteknologi Hijau Dan Kos Efektif.	-	BPEN, KTMB PBT, APAD



Sumber : http://s1.1zoom.net/big0/778/Many_Bicycle_Parking_453235.jpg

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 1.1.8 :	MENAIK TARAF JETI FERI SEDIA ADA DAN MENYEDIAKAN JETI BAHARU SERTA INFRASTRUKTUR SOKONGAN BAGI MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN 'WATER TAXI'	-	
L 1.1.8.1 :	Menaik Taraf Terminal Jeti Dan Feri Penumpang Sebagai Hab/ Transit Perhentian Pelbagai Mod Pengangkutan.	-	BPEN, PBT, JLM, SPPP
L 1.1.8.2 :	Mengkaji Jaringan Laluan 'Water Taxi' Dan Pendekatan Pelaksanaan Perkhidmatan 'Water Taxi'.	DS 44 L7	BPEN, PBT, JLM, SPPP
L 1.1.8.3 :	Menganalpasti Lokasi Jeti Dan Infrastruktur Sokongan Untuk 'Water Taxi' Di Peringkat RT.	DS 44 L8	BPEN, PBT, JLM, SPPP
DSP 1.1.9 :	MEMASTIKAN SISTEM RANGKAIAN JALAN YANG LEBIH CEKAP DAN BERKESAN UNTUK MENGURANGKAN MASA DAN KOS PERJALANAN DI SAMPING MENINGKATKAN KESELESAAN DAN KESELAMATAN DI JALANRAYA	-	
L 1.1.9.1 :	Membina Lebuhraya Dan Jalanraya Baharu Serta Menaik Taraf Jalanraya Sedia Ada Mengikut Hierarki Bagi Melengkapkan Rangkaian Jalanraya Negeri.	DS 43 L2	JKR, LLM
L 1.1.9.2 : <small>(Rujuk Bersama L 1.1.5.2)</small>	Menggunakan 'Intelligent Transportation System' (ITS) Berkomputer Yang Berfungsi Memberi Informasi Kepada Pengguna Jalanraya Dan Mengawal Lalulintas.	-	JKR, LLM
L 1.1.9.3 :	Penambahbaikan Kapasiti Dan Kecekapan Jalan Dan Persimpangan Jalan Sedia Ada Melalui Cara-Cara Pengurusan Dan Pengawalan Lalu Lintas Yang Lebih Berkesan Dan Moden.	-	JKR, PBT
L1.1.9.4 :	Menyedia Dan Melaksanakan Strategi Pelan Keselamatan Jalanraya Negeri.	-	JKJR, PBT
DSP 1.1.10 : <small>(Rujuk Bersama L 5.3.2.4)</small>	MENYEDIAKAN RANGKAIAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN BASIKAL YANG SELAMAT SECARA MENYELURUH KHASNYA DI KAWASAN PEMBANGUNAN DAN TARIKAN UTAMA	DS 43 L5	
L 1.1.10.1 :	Membina Rangkaian Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Yang Selamat Dan Mesra Pengguna Yang Menghubungkan Kawasan-Kawasan Tumpuan Dengan Kawasan Kediaman, Perkhidmatan, Rekreasi Dan Pelancongan.	DS 43 L6	PBT, PGC
L 1.1.10.2 : <small>(Rujuk Bersama L 5.3.2.5)</small>	Menggunapakai Konsep 'Universal Design' Untuk Penyediaan Kemudahan-Kemudahan Pejalan Kaki Dan Laluan Basikal.	-	PBT, PGC



DPU 1.2

MENINGKATKAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN DAN KESELESAAN PENGANGKUTAN AWAM



Terdapat 2 DSP Di Bawah DPU 1.2 Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 7 Langkah-Langkah Pelaksanaannya Dan Rajah 3 Menunjukkan Rangkaian Pengangkutan Masa Hadapan.

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 1.2.1	MEMASTIKAN LIPUTAN PENGANGKUTAN AWAM YANG MENYELURUH DAN EFISIEN	DS 44	
L 1.2.1.1	Mengintegrasikan Mod-Mod Pengangkutan Awam Yang Saling Menyokong Bagi Penawaran Perkhidmatan Yang Menyeluruh Di Peringkat Negeri, Wilayah Dan Antarabangsa (rujuk Rajah 3).	DS 44 L1	BPEN, PBT, APAD
L 1.2.1.2	Mengintegrasikan Lokasi-Lokasi 'Park & Ride' Dengan Pusat-Pusat Pengangkutan Awam Bersepadu.	DS 44 L5	BPEN, PBT, APAD, KTMB
L 1.2.1.3	Memperkenalkan Kaedah Pengurusan Trafik Bagi Mengurangkan Kemasukan Kenderaan Ke Pusat Bandar Pada Waktu-Waktu Tertentu.	DS 44 L1	BPEN, PBT, JKR
L 1.2.1.4	Meningkatkan Perkhidmatan 'Feeder Service' Untuk Menyokong Pengangkutan Awam Seperti Komuter, LRT, Monorail, BRT Dan Lain-lain Cadangan Mod Pengangkutan Awam (Masa Hadapan) Ke Pusat-Pusat Petempatan Utama Serta Kawasan-Kawasan Tarikan Pelancongan.	DS 44 L1	BPEN, PBT, APAD
DSP 1.2.2	MENAWARKAN PENGANGKUTAN AWAM YANG EFISIEN, SELESA DAN RENDAH KARBON	-	
L.1.2.2.1	Kemudahan Pengangkutan Awam (Koc, Terminal, Perhentian, Paparan Informasi Dan Lain-lain) Hendaklah Mengambil kira Keperluan OKU Dan Warga Emas (<i>Universal Design</i>) Bagi Mewujudkan Keharmonian Pengguna.	-	PBT, APAD, KTMB, BPEN
L.1.2.2.2	Memastikan Jadual Dan Kekerapan Perkhidmatan Pengangkutan Awam Yang Tepat Dan Diyakini Pengguna.	-	KTMB, APAD, BPEN
L.1.2.2.3	Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Pengangkutan Awam Melalui Penggunaan Koc-Koc Dan Mod Pengangkutan Yang Rendah Karbon (Seperti Sel Hidrogen, Elektrik Dan Lain-Lain Tenaga Guna Semula).	DS 44 L1 DS 44 L4 DS 44 L5 DS 44 L6	KTMB, APAD, BPEN



PETUNJUK

**PELAN INDUK PENGANGKUTAN
TRANSPORT MASTER PLAN (TMP)**

- Monorail
- Light Rail Transit (LRT)
- Bus Rapid Transit (BRT)
- Ayer Itam - Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Bypass
- Gurney Expressway
- Gurney - Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Bypass
- Skycab
- 3rd Link
- North Coastal Paired Road
- Pan Island Link 1
- Pan Island Link 2
- Pan Island Link 2A
- Tram
- Laluan Feri

LAIN-LAIN

- Cadangan Tebus Guna Tanah
- Lebuhraya
- Jalanraya
- Landasan Keretapi
- Keretapi Funikular
- Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu
- Lapangan Terbang
- Pelabuhan Utama
- Terminal Feri
- Pelabuhan Kapal Layar
- Sungai & Empangan

NOTA : PELAKSANAAN TERTAKLUK KEPADA KAJIAN KEMUNGKINAN

Utara



Skala :- 1 : 50,000

RAJAH 3

**RANGKAIAN SISTEM PENGANGKUTAN SEDIA ADA
DAN MASA HADAPAN NEGERI PULAU PINANG**



**RANCANGAN STRUKTUR
NEGERI PULAU PINANG
2030**

DPU 1.3

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN UTILITI YANG BERKESAN DAN MELAKSANAKAN INISIATIF TEKNOLOGI HIJAU



Terdapat 8 DSP Di Bawah DPU 1.3, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 29 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.



Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 1.3.1	MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI KE ARAH MENJADIKAN NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI NEGERI PINTAR	DS 53	
L 1.3.1.1	Membina Dan Menaik Taraf Infrastruktur Telekomunikasi (Ibu Sawat, Jalur Lebar Dan Liputan Perkhidmatan Tanpa Wayar) Bagi Membolehkan Negeri Pulau Pinang Menjadi Negeri Pintar.	-	PBT, SKMM
L 1.3.1.2	Menggunakan Garis Panduan Mengenai Pembinaan Menara Telekomunikasi dan Struktur Sistem Pemancar Seperti Yang Dikeluarkan Oleh Pihak Kementerian Berkaitan Dan Diterimapakai PBT Bagi Mengawal Pembinaan Menara Telekomunikasi.	DS 53 L1	PBT, SKMM
DSP 1.3.2	MENGGALAKKAN PENGGUNAAN GAS ASLI SEBAGAI SUMBER ALTERNATIF UNTUK KEGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN, AUTOMOTIF DAN DOMESTIK	DS 52	
L 1.3.2.1	Menyediakan Kemudahan Infrastruktur Yang Menyokong Penggunaan Gas Asli Dalam Sektor Industri Pembuatan Dan Automotif.	-	PBT, Gas Malaysia, BPEN
L 1.3.2.2	Kajian Kesesuaian Penggunaan Gas Asli Sebagai Suatu Bahan Mentah Yang Murah Dan Efisien Serta Sesuai Sebagai Sumber Tenaga Alternatif Untuk Kegunaan Domestik Dan Perindustrian.	DS 52 L1	PBT, Gas Malaysia, PGC
L 1.3.2.3	Melaksanakan Penyediaan Kemudahan Bekalan Gas Asli Di Semua Pembangunan Perumahan.	DS 52 L2	PBT, Gas Malaysia, BPN
DSP 1.3.3	MELAKSANAKAN PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI BEKALAN AIR MENTAH SELARAS DENGAN PERTAMBAHAN PERMINTAAN DAN SUMBER AIR MELALUI IRBM (INTEGRATED RIVER BASIN MANAGEMENT), SERTA KAEDAH-KAEDAH GUNA SEMULA YANG BERTEKNOLOGI HIJAU	DS 47 DS 58	
L 1.3.3.1 <i>(Rujuk Bersama L5.1.6.1 & L5.1.6.2)</i>	Meningkatkan Kapasiti Bekalan Air Melalui Rundingan Pembekalan Air Dengan Negeri-Negeri Bersempadanan (Negeri Perak Dan Kedah).	DS 47 L1	BPEN, PBAPP, BKSA
L 1.3.3.2	Melaksanakan Program Dan Projek Guna Semula Air Seperti Memperkenalkan Sistem Penuaian Air Hujan (SPA) Dan Bio Teknologi Di Samping Menggalakkan Penggunaan Peralatan Yang Menjimatkan Air.	-	BPEN, PBT, PBA, BKSA
L 1.3.3.3	Mengenalpasti Rizab Penggunaan Air Bawah Tanah Sebagai Alternatif Menyokong Bekalan Sediada Ataupun Ketika Krisis Bekalan Air.	DS 47 L2	JPS, JMG, PBAPP, BKSA
L 1.3.3.4	Merangka Strategi Sumber Dan Penggunaan Bekalan Air Bersih Jangka Panjang.	DS 47 L14	BKSA, PBAPP



Sumber : <http://wastetoenergysystems.com/>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
L 1.3.3.5 <i>(Rujuk Bersama L5.1.6.2)</i>	Mengenalpasti Pembesaran Rizab Kawasan Tadahan Air Sedia Ada Dan Mewartakannya Sebagai Kawasan Pengekalan Bagi Menampung Keperluan Tambahan Pada Masa Akan Datang.	DS 47 L5	PBT, JPS, JMG, PBAPP, BKSA
L 1.3.3.6	Kawalan Ke Atas Sebarang Struktur Binaan Dan Lain-lain Aktiviti Di Kawasan Tadahan Air Mengikut Perintah Pembekalan Air 2004 (Pindaan 2009).	-	PBT, PBAPP, BKSA
L 1.3.3.7	Tidak Membenarkan Penternakan Haiwan, Pertanian Dan Perkuburan Di Kawasan Pengambilan Air Di Hulu Sungai Dan Kawasan Tadahan.	DS 47 L15	PBT, PBAPP, BKSA
DSP 1.3.4	MEMASTIKAN SISTEM SALIRAN DAN PERPARITAN YANG TERURUS	DS 48	
L 1.3.4.1	Pelan Induk Saliran Akan Dijadikan Rujukan Untuk Bandar-Bandar Utama Dan Daerah Di Negeri Pulau Pinang.	DS 48 L1	PBT, JPS
L 1.3.4.2	Menyedia Dan Melaksanakan Pelan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Saliran Dan Perparitan.	-	PBT, JPS
L 1.3.4.3	Melaksanakan Program-Program Tebatan Banjir Yang Telah Dikenalpasti Dengan Memberi Tumpuan Kepada 3 Fasa Iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • Program Tebatan Banjir Berimpak Tinggi; • Rancangan/Program Tebatan Banjir Caruman Perparitan, Dan • Rancangan/Program Tebatan Banjir Jangka Panjang. <i>(rujuk Rajah 4).</i>	DS 48 L10	PBT, JPS
L 1.3.4.4	Menggunapakai Dan Merujuk Kepada Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Serta Mana-Mana Garis Panduan Yang Berkaitan Dalam Mempraktikkan Konsep Kawalan Di Punca (<i>Control At Source</i>) Dan Kualiti Air.	DS 48 L14	PBT, JPS
DSP 1.3.5	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN BEKALAN ELEKTRIK YANG MENCUKUPI	DS 49	
L 1.3.5.1	Mengkaji Dan Menerimapakai Cara-Cara Teknologi Hijau Dan Mesra Alam Untuk Bekalan Tenaga Dan Elektrik Di Antaranya Meminimalkan Pembaziran Tenaga Melalui ' <i>Cogeneration Power Plant</i> '.	-	TNB
L 1.3.5.2	Menggalakkan Penggunaan " <i>Renewable Energy</i> " Seperti <i>Solar, Wind, 'Incenerator/ Biomass'</i> Dan <i>Tidal Current</i> .	-	TNB, PGC
L 1.3.5.3	Meningkatkan Keupayaan Pengagihan Dan Pelaksanaan Kemudahan Bekalan Elektrik Untuk Kawasan Yang Akan Mengalami Pembangunan Pesat Khususnya Di Kawasan Keutamaan Pembangunan 1 Dan Kawasan Keutamaan Pembangunan 2.	DS 49 L1	TNB

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 1.3.6	MEWUJUDKAN SISTEM PEMBETUNGAN BERPUSAT	<i>DS 50</i>	
L 1.3.6.1	Menggunakan Sistem Pembetulan Yang Berteknologi Hijau Yang Dapat Meminimalkan Pencemaran Disamping Penjimatan Ruang.	-	IWK, PBT
L 1.3.6.2	Membina Dan Menyediakan Tapak Yang Sesuai Untuk Loji-Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Di Setiap Daerah (rujuk Rajah 5).	<i>DS 50 L1</i>	IWK, PBT
L 1.3.6.3	Pembangunan Yang Berskala Besar Yang Melebihi 50,000 PE Perlu Menyediakan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Tersendiri	-	IWK, PBT
L 1.3.6.4	Pembangunan Baru Yang Terletak Jauh Dari Tadahan Pembetulan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Perlu Menyediakan Loji Rawatan Kumbahan Tersendiri.	-	IWK, PBT
DSP 1.3.7	MEWUJUDKAN SATU SISTEM PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN BUANGAN SISA PEPEJAL DAN SISA TERJADUAL YANG LEBIH CEKAP DAN BERKESAN	<i>DS 51 DS 57</i>	
L 1.3.7.1	Mengurangkan Kebergantungan Kepada Sistem Pelupusan Sisa Pepejal Secara Kaedah 'Sanitary Landfill' Dan Mengenalpasti Kaedah Alternatif Untuk Pengurusan Dan Pelupusan Sisa Pepejal Berteknologi Hijau Serta Kos Efektif Yang Dapat Mengubah Sampah Kepada Tenaga (<i>Waste To Energy</i>).	<i>DS 51 L 1 DS 51 L5</i>	PBT
L 1.3.7.2	Menggalakkan Penggunaan Kaedah Pelupusan Alternatif Seperti <i>Incinerator, Biomass, Anaerobic Digestion</i> Selaras Dengan Pendekatan <i>Renewable Energy</i> .	-	PBT, PGC
L 1.3.7.3	Melaksanakan Pengasingan Sisa Di Punca Seperti Amalan 3R (<i>Reduce, Reuse & Recycle</i>).	-	PBT, PGC
DSP 1.3.8	MEMASTIKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI DIBEKALKAN DENGAN SEMPURNA DAN MENCUKUPI	-	
L 1.3.8.1	Menyediakan Pelan-Pelan Induk Infrastruktur Dan Utiliti Yang Menyeluruh Di Peringkat Negeri Dan Daerah.	-	PBT, PBAPP, TNB
L 1.3.8.2	Meningkatkan Kapasiti Bekalan Infrastruktur Dan Utiliti Selaras Dengan Keperluan Pembangunan Negeri. <ul style="list-style-type: none"> Bekalan Air – 1,483 juta liter sehari (dengan <i>buffer</i> 30%). Bekalan Elektrik – 2,241 megawatt. 	-	PBAPP, TNB
L 1.3.8.3	Mensasarkan NRW Bekalan Air Yang Rendah Pada Kadar 16.5%	-	PBAPP



PETUNJUK

- | | | | |
|--|---------------------------|--|--------------------------------------|
| | Lokasi Hot Spot Banjir | | Sempadan Daerah |
| | Sempadan Kawasan Tadahan | | Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu |
| | Hutan Simpan Kekal | | Lapangan Terbang |
| | Cadangan Tebus Guna Tanah | | Pelabuhan Utama |
| | Lebuhraya | | Terminal Feri |
| | Jalanraya | | Pelabuhan Kapal Layar |
| | Landasan Keretapi | | Sungai & Empangan |
| | Sempadan Negeri | | |

Utara



Skala : 1 : 50,000

RAJAH 4

LOKASI HOT SPOT BANJIR NEGERI PULAU PINANG



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2030



PETUNJUK

- | | |
|--------------------------------|--------------------------------------|
| Loji Rawatan Kumbahan Berpusat | Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu |
| Cadangan Tebus Guna Tanah | Lapangan Terbang |
| Lebuhraya | Pelabuhan Utama |
| Jalanraya | Terminal Feri |
| Landasan Keretapi | Pelabuhan Kapal Layar |
| Sempadan Negeri | Sungai & Empangan |
| Sempadan Daerah | |

Utara



Skala :- 1 : 50,000

RAJAH 5

**LOKASI LOJI RAWATAN KUMBAHAN BERPUSAT
NEGERI PULAU PINANG**



**RANCANGAN STRUKTUR
NEGERI PULAU PINANG
2030**



MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU
PINANG
SEBAGAI SEBUAH
NEGERI PINTAR,
HARMONI DAN
BERTARAF
ANTARABANGSA

RSN

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030

MODAL INSAN YANG KREATIF DAN INOVATIF

TERAS 2		
MODAL INSAN YANG KREATIF DAN INOVATIF		
DPU	DSP	L
<i>Membentuk Masyarakat Harmoni Penyayang Dan Berbudaya Murni</i>	5	31
<i>Penyediaan Prasarana</i>	2	7
<i>Penyediaan Kemudahan Masyarakat</i>	7	21
Jumlah	14	59

Penduduk Negeri Pulau Pinang dijangka bertambah daripada 1.5 juta orang pada tahun 2010 kepada 1.86 juta orang pada tahun 2020 dan dijangka meningkat kepada 2.29 juta orang pada tahun 2030. Ini bermakna Negeri Pulau Pinang memerlukan kemudahan-kemudahan masyarakat yang lebih efisien bagi menangani jumlah penduduk yang bertambah.

Disamping itu juga, pembangunan modal insan adalah penting bagi memupuk kesepakatan kehidupan di dalam menjalinkan hubungan di kalangan penduduk yang berbilang budaya dan kaum. Selain itu, cabaran masa hadapan perlu dirancang untuk menjadikan penduduk Negeri Pulau Pinang lebih kreatif dan inovatif.

Bagi memastikan perancangan dan pembangunan seiring dengan pertumbuhan penduduk dan memupuk keharmonian, maka TERAS 2 dibentuk supaya pembangunan modal insan dapat dirancang dengan lebih baik.

TERAS 2 mempunyai **3 Dasar Perancangan Utama** yang disokong dengan **14 Dasar Strategik Pelaksanaan** berserta **59 Langkah-Langkah Pelaksanaan**.



Jadual C.2 Ringkasan DPU dan DSP Bagi Teras 2

DPU 2.1	DPU 2.2	DPU 2.3
<p>MENYEDIAKAN SUASANA PERSEKITARAN YANG SELAMAT DAN KONDUSIF SEBAGAI TEMPAT TINGGAL, BEKERJA DAN BERIADAH DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT HARMONI, PENYAYANG DAN BERBUDAYA MURNI [DS 5]</p>	<p>MENINGKATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI PENYEDIAAN PRASARANA YANG BERSESUAIAN [DS 6]</p>	<p>MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, BERKUALITI, BERTEKNOLOGI PINTAR DAN MUDAH SAMPAI KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT</p>
<p>DSP 2.1.1 Melaksanakan Strategi Pembangunan Mampan Bagi Mencapai Pembangunan Perumahan Yang Berkualiti Dan Agihan Penduduk Yang Saksama.</p>	<p>DSP 2.2.1 Mempertingkatkan Penyediaan Kemudahan Pendidikan Dari Peringkat Asas Sehingga Ke Peringkat Tertiar Selaras Dengan Falsafah Pendidikan Sepanjang Hayat.</p>	<p>DSP 2.3.1 Menyediakan Kemudahan Kesihatan Yang Mencukupi Dan Berkualiti Termasuk Perkhidmatan Pakar Berdasarkan Piawaian Dan Keperluan Penduduk.</p>
<p>DSP 2.1.2 Menggunakan Tanah Secara Lebih Efisien Untuk Tujuan Pemajuan Perumahan Baharu Dan Pembangunan Semula Yang Inklusif</p>	<p>DSP 2.2.2 Menumpukan Pembangunan Pendidikan Di Peringkat Awal Pembelajaran Sebagai Asas Penting Dalam Pembangunan Modal Insan.</p>	<p>DSP 2.3.2 Menyediakan Kemudahan Kebajikan Masyarakat Mengikut Keperluan Kumpulan Sasar.</p>
<p>DSP 2.1.3 Memastikan Penempatan Semula Penduduk Setinggal Dilaksanakan Dengan Sempurna Untuk Mencapai Setinggal Sifar Di Negeri Pulau Pinang.</p>		<p>DSP 2.3.3 Menyediakan Perkhidmatan Keselamatan Dan Kecemasan Meliputi Polis, Bomba, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Dan Lain-lain Agensi Berkaitan Bagi Mencapai Tahap Liputan Perkhidmatan Yang Menyeluruh.</p>
<p>DSP 2.1.4 Menyediakan Perumahan Mampu Milik Di Lokasi Strategik.</p>		<p>DSP 2.3.4 Memastikan Penyediaan Kawasan Lapang Dan Rekreasi Yang Mencukupi Mengikut Hierarki Dan Taburan Penduduk.</p>
<p>DSP 2.1.5 Menggalakkan Penyediaan Kemudahan-Kemudahan Bagi Memupuk, Memelihara Dan Menghidupkan Semula Kesenian Dan Kebudayaan Tempatan.</p>		<p>DSP 2.3.5 Menyediakan Kemudahan Sukan Berprestasi Tinggi Dan Antarabangsa.</p>
		<p>DSP 2.3.6 Menyediakan Kemudahan Keagamaan Yang Terancang Dan Mencukupi Selaras Dengan Kesesuaian Jumlah Penduduk Mengikut Agama Dan Piawaian Perancangan.</p>
		<p>DSP 2.3.7 Menyediakan Kemudahan Pusat Perkhidmatan Setempat Mengikut Keperluan Bagi Setiap Kawasan Tumpuan Penduduk.</p>

MENYEDIAKAN SUASANA PERSEKITARAN YANG SELAMAT DAN KONDUSIF SEBAGAI TEMPAT TINGGAL, BEKERJA DAN BERIADAH DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT HARMONI, PENYAYANG SERTA BERBUDAYA MURNI



Terdapat 5 DSP Di Bawah DPU 2.1, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 31 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 2.1.1 :	MELAKSANAKAN STRATEGI PEMBANGUNAN MAMPAN BAGI MENCAPAI PEMBANGUNAN PERUMAHAN YANG BERKUALITI DAN AGIHAN PENDUDUK YANG SAKSAMA	DS 4 DS 28	
L 2.1.1.1 :	Menggalakkan Pertumbuhan Penduduk Negeri Pulau Pinang Bagi Mencapai Unjuran Penduduk Seramai 2.29 Juta Orang Menjelang 2030.	DS 4 L1	BPEN
L 2.1.1.2 :	Menyuntik Pembangunan Mega Yang Dapat Menambah Bilangan Penduduk Dan Guna Tenaga.	DS 4 L3	BPEN, PMPP, PBT
L 2.1.1.3 :	Menubuhkan Lembaga Perumahan Negeri Yang Berfungsi Bagi:- <ul style="list-style-type: none"> Menyelaraskan Agihan, Pemilikan Dan Harga Rumah Mampu Milik. Membangunkan Pangkalan Data Bagi Menguruskan Maklumat Permohonan, Pemilikan, Perancangan Dan Penyelenggaraan. Menubuhkan JMB/MC Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Penyelenggaraan Bangunan Dan Harta Bersama Agar Sentiasa Berada Dalam Keadaan Yang Memuaskan. 	-	BPEN, BPN, PBT
L 2.1.1.4 :	Menyediakan Keperluan Tambahan Unit Perumahan Sebanyak 262 Ribu Unit Bagi Tempoh 2020 Hingga 2030 Yang Merangkumi Semua Jenis Perumahan. Penyediaan Perumahan Perlu Disokong Oleh Infrastruktur-Infrastruktur Dan Kemudahan-Kemudahan Yang Sempurna.	DS 28 L1	PBT, PDC, BPN
L 2.1.1.5 :	Menggalakkan Dan Mensyaratkan Pemilik Tanah Dan Pemaju Perumahan Sektor Awam Serta Sektor Swasta Untuk Membina Unit-Unit Perumahan Mengikut Kategori Yang Diperlukan.	-	PBT, PDC, BPN
L 2.1.1.6 :	Melaksanakan Program Pembaharuan Semula Bandar (<i>Urban Renewal</i>) Di Kawasan-Kawasan Perumahan Usang Yang Dikenalpasti Dengan Mengambil kira Kebajikan Semua Penduduk Yang Terlibat.	-	BPN, PMPP, PDC, UDA
(Rujuk Bersama L 2.1.4.5)			
L 2.1.1.7 :	Menyediakan Perumahan Atau Penginapan Yang Sempurna Di Lokasi Yang Sesuai Untuk Pekerja-Pekerja Warga Asing Khususnya Dan Warga Tempatan Amnya Mengikut Garis Panduan Yang Digunapakai Agar Mudah Dikawal Selia Oleh Majikan Dan Pihak Berkuasa.	-	PBT, PMPP
L 2.1.1.8 :	Menggunakan Rekabentuk Sejangat ' <i>Universal Design Guidelines</i> ' (UDG) Dan Rekabentuk Pencegahan Jenayah ' <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> ' (CPTED) Di Dalam Rekabentuk Perumahan Di Setiap PBT.	DS 28 L3	PBT, PMPP
L 2.1.1.9 :	Membenarkan Pembangunan Perumahan Di Atas Tanah Berstatus <i>First Grade</i> Dalam Zoning Pertanian Dengan Kepadatan Maksimum 6 Unit Per Ekar.	DSU 6 L1	PBT, PMPP



Sumber : <https://pulau pinang komtar.com>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
L 2.1.1.10 :	Mengekalkan Bangunan Rumah Kedai Dan Kediaman Dalam Tapak Warisan Dunia George Town Dengan Tidak membenarkan Sebarang Permohonan Tukarguna Bangunan Dari Kediaman Ke Komersil.	-	GTWHI, PBT
DSP 2.1.2 :	MENGGUNAKAN TANAH SECARA LEBIH EFISIEN UNTUK TUJUAN PEMAJUAN PERUMAHAN BAHARU DAN PEMBANGUNAN SEMULA YANG INKLUSIF	-	
L 2.1.2.1 :	Memastikan Pemaju-Pemaju Mengadaptasi Kaedah ' <i>Sequential Approach</i> ' Dalam Pembinaan Perumahan.	-	PBT, PMPP
L 2.1.2.2 :	Pembinaan Perumahan Hanya Dibenarkan Di Kawasan Yang Telah Dirancang Dengan Anggaran Keperluan Tanah Seluas 12 Ribu Ekar Menjelang 2030.	-	PBT, PMPP
L 2.1.2.3 :	<p>Mengamalkan Prinsip Pembangunan Bandar Yang Lebih Cepak Dan Efektif, Antaranya Seperti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengambil kira Faktor Kepadatan; Kepelbagaian Penggunaan; Kegunaan Bercampur Bagi Tanah, Bangunan Dan Ruang Awam. • Berjalan Kaki Sebagai Mod Pilihan Utama Perjalanan. • Pembangunan Berorientasi Transit (TOD) Bagi Menyokong Mod Pilihan Utama Perjalanan. • Membentuk Ruang Awam Seperti Taman, Plaza, Halaman, Bangunan Awam, Jalan Awam Dan Sebagainya. • Mengurangkan '<i>Carbon Footprint</i>' Dengan Memastikan Orang Ramai Memilih Untuk Berjalan Kaki Atau Berbasikal Daripada Menggunakan Kereta Sendiri. Dengan Itu Destinasi Yang Dirancang Hendaklah Mudah Sampai Dalam Lingkungan Jarak Berjalan Kaki Yang Selesa. • <i>Integrated Natural Systems.</i> • <i>Integrated Technical And Industrial Systems.</i> • <i>Local Sources.</i> • <i>Engaged Communities.</i> 	-	PBT, PMPP
L 2.1.2.4 :	Pembangunan Perumahan Hanya Dibenarkan Di Dalam Zon Perumahan Dan Lain-lain Zon Yang Dikenalpasti Di Peringkat RT Dan RKK Mengikut Had Ketentuan Kepadatan Dan Nisbah Plot Yang Ditetapkan.	DS 28 L4 DS 30 L1	PBT, PMPP
L 2.1.2.5 :	Memperkuh Dan Memperluaskan Sistem Pangkalan Data Maklumat Perumahan Yang Disediakan Oleh NAPIC Bagi Mengintegrasikan Semua Maklumat Atau Data-Data Mengenai Hartanah Perumahan Di Negeri Pulau Pinang Termasuk Maklumat Setinggan Dan Pemilikan Hartanah.	DS 28 L5	NAPIC



Sumber : <https://pulau.pinang.bandar.com>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 2.1.3	MEMASTIKAN PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK SETINGGAN DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA UNTUK MENCAPAI SETINGGAN SIFAR DI NEGERI PULAU PINANG	-	
L 2.1.3.1	Menangani Masalah Setinggan Ke Arah Mencapai Setinggan Sifar Di Negeri Pulau Pinang Menjelang 2030.	DS 34 L1 DS 7	PMPP, PBT, BPEN, BPN, PDC, PERDA, UDA, MAINPP
L 2.1.3.2	Menyelesaikan Terlebih Dahulu Isu-Isu Penempatan Setinggan Di Dalam Tapak Pembangunan Sebelum Kerja-Kerja Pembinaan Dimulakan.	-	PBT, BPEN, BPN, PDC, PERDA, UDA, MAINPP
L 2.1.3.3	Mengutamakan Pembinaan Perumahan Mampu Milik Jenis RMMA Dan RMMB Untuk Tujuan Penempatan Semula Setinggan.	DSU 6 L3 DS 34 L1 DS 7	PBT, BPEN, BPN, PDC, PERDA, UDA
DSP 2.1.4	MENYEDIAKAN PERUMAHAN MAMPU MILIK DI LOKASI STRATEGIK	DS 29	
L 2.1.4.1	Meningkatkan Bekalan Perumahan Mampu Milik Jenis RMMA, RMMB, RMMC Kepada Sekurang-kurangnya 30% Daripada Keseluruhan Penyediaan Perumahan Negeri Menjelang Tahun 2030.	DS 28 L11	PBT, BPN, PDC, PERDA, UDA
L 2.1.4.2	Menggalakkan Pembangunan Perumahan Mampu Milik Di Kawasan Strategik Seperti Di Zon TOD Melalui Pendekatan Pembangunan Secara "Infill" Dan "Brownfield".	DS 30 L6	PBT, BPEN, BPN, PDC, UDA
L 2.1.4.3	Menetapkan Harga Yang Mampu Dimiliki Dalam Mencapai Sasaran Pemilikan Perumahan Berdasarkan Jenis, Saiz Dan Lokasi Dan Dikawal Selaras Dengan Dasar Perumahan Negara Dan Negeri.	DS 28 L2 DS 32 L8	PBT, BPN
L 2.1.4.4	Menetapkan Had Pendapatan Yang Melayakkan Pemohon Untuk Memiliki Perumahan Mampu Milik Jenis RMMA Dan RMMB.	DS 28 L9	PBT, BPN
L 2.1.4.5 <i>(Rujuk Bersama L 2.1.1.6)</i>	Memberi Insentif-Insentif Kepada Pemilik Perumahan Yang Dibangunkan Semula Di Bawah Program Pembaharuan Semula Bandar (<i>Urban Renewal</i>).	-	BPN, PDC, PTG, UDA
L 2.1.4.6	Memberi Insentif-Insentif Yang Bersesuaian Kepada Pembinaan Projek Perumahan Mampu Milik Jenis RMMA, RMMB Dan RMMC.	DS 28 L11 DS 29 L1	PBT, BPN



Sumber : <https://pulau pinang.com>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
L 2.1.4.7	<p>: Menjalankan Kajian Terperinci Bagi Mengenalpasti Pendekatan Konsep "Self-Help" Dalam Penyediaan Rumah Kepada Golongan Miskin Bandar. Antara Pendekatan Yang Boleh Dilakukan Adalah Seperti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengubahsuai Dan Menggunapakai Premis-Premis Sedia Ada Dan Tanah Kosong Yang Terbiar Sebagai Tapak Atau Unit Kediaman Transit. • Mewujudkan Badan Koordinasi Bagi Mengenalpasti Golongan Sasar Dan Merangka Serta Menguruskan Program-Program Terlibat. 	DS 29 L3	PBT, BPEN, PDC, JKM
L 2.1.4.8	<p>: Meneruskan Program Perumahan Rakyat Sebagai Agenda Penting PBN Di Dalam Memberi Kemudahan Khususnya Kepada Penduduk Yang Berpendapatan Rendah.</p>	DS 29 L2	PBT, PDC, PERDA, UDA, BPN, MAINPP
L 2.1.4.9	<p>: Memberi Kepadatan Yang Lebih Tinggi Untuk Pembangunan Yang Mempunyai 100% Perumahan Jenis RMMC Dengan Harga Jualan Paling Minima Untuk Dijual Kepada Golongan Sasaran Berdasarkan Senarai PBN.</p>	DS 29 L8	PBT, BPN
L 2.1.4.10	<p>: Mengekalkan Kuota 30% Pemilikan Bumiputera Untuk Keseluruhan Pembangunan Hartanah. Diikuti Oleh 40% Pemilikan Bumiputera Bagi RMMB & RMMC Dan 50% Untuk RMMA.</p>	-	PBT, BPN
DSP 2.1.5	<p>MENGALAKKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BAGI MEMUPUK, MEMELIHARA DAN MENGHIDUPKAN SEMULA KESENIAN DAN KEBUDAYAAN TEMPATAN</p>	DS 35	
L 2.1.5.1	<p>: Menggalakkan Penggunaan Premis Kemudahan-Kemudahan Menjalankan Aktiviti Kesenian Dan Kebudayaan Seperti Dewan, Balai Raya Dan Sebagainya.</p>	-	PBT, JKM, PDT, PERDA, JWN, JKKN
L 2.1.5.2	<p>: Menyediakan Kemudahan-Kemudahan Bagi Golongan Warga Emas Dan Kurang Upaya Dalam Menyediakan Pusat-Pusat Latihan Kemahiran Dan Inovatif Pembuatan Barangan.</p>	-	KEMAS, PDT, MARA, UDA, PERDA
L 2.1.5.3	<p>: Membangunkan Semula Ruang-Ruang Kosong Di Kawasan Bandar Sebagai Ruang Kreatif Untuk Menarik Generasi Muda Menjalankan Aktiviti Rekreasi Dan Seni Bagi Menghidupkan Semula Kawasan Bandar.</p>	-	PDT, MARA, PERDA, UDA, JWN, JKKN

DPU 2.2

MENINGKATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI PENYEDIAAN PRASARANA YANG BERSESUAIAN



Terdapat 2 DSP Di Bawah DPU 2.2, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 7 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 2.2.1 :	MEMPERTINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN DARI PERINGKAT ASAS SEHINGGA KE PERINGKAT TERTIARI SELARAS DENGAN FALSAFAH PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT	DS 36	
L 2.2.1.1 :	Menyediakan Kemudahan-Kemudahan Pendidikan Yang Meliputi Peringkat-Peringkat Pra-Sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Dan Institusi Kemahiran Serta Institusi Pengajian Tinggi.	-	Jab. Pendidikan, PPAPP, KEMAS, MARA, PBT
L 2.2.1.2	Menggalakkan Penglibatan Pihak Swasta Dalam Penyediaan Kemudahan Pendidikan Melalui Pemberian Insentif Yang Ditetapkan Oleh PBN.	-	Jab. Pendidikan, BPEN, PBT
L 2.2.1.3 :	Menggalakkan Konsep Sekolah Bersepadu Dan Bertingkat Bagi Mengelakkan Penggunaan Ruang Tanah Yang Luas. Pelaksanaan Sekolah Bersepadu Ini Perlu Diletakkan Di Dalam Lingkungan Jarak Pejalan Kaki Terutamanya Di Kawasan Pembangunan TOD.	DS 36 L3	Jab. Pendidikan, PMPP, PBT
L 2.2.1.4 :	Menggalakkan Penyediaan Prasarana Yang Menyokong Pembelajaran Kreatif Dan Inovatif.	-	Jab. Pendidikan, PBT, PPAPP
DSP 2.2.2 :	MENUMPUKAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DI PERINGKAT AWAL PEMBELAJARAN SEBAGAI ASAS PENTING DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN	-	
L 2.2.2.1 :	Menyediakan Kemudahan Pendidikan Di Peringkat Awal Pembelajaran Di Setiap Unit Kejiranan Baru.	DS 36 L1	PBT, PMPP, Jab. Pendidikan, KEMAS
L 2.2.2.2 :	Menyediakan Kemudahan Tadika Di Bangunan Perumahan Bertingkat Mengikut Garis Panduan Yang Disediakan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	DS 36 L4	PBT, PMPP, Jab. Pendidikan, KEMAS
L 2.2.2.3 :	Mengagihkan Kemudahan Institusi Modal Insan Secara Saksama Di Antara Kawasan Bandar Dan Luar Bandar.	-	PBT, PDT, PPAPP, Jab. Pendidikan, KEMAS

DPU 2.3

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN YANG MENCUKUPI, BERTEKNOLOGI PINTAR DAN MUDAH SAMPAI KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT

Terdapat 7 DSP Di Bawah DPU 2.3, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 21 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.





Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 2.3.1 :	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KESIHATAN YANG MENCUKUPI DAN BERKUALITI TERMASUK PERKHIDMATAN PAKAR DISEDIAKAN BERDASARKAN PIAWAIAN DAN KEPERLUAN PENDUDUK	DS 35 L2 DS 37	
L 2.3.1.1 :	Menyediakan Kemudahan Kesihatan Yang Mencukupi Dan Berkualiti Melalui Penggunaan Teknologi Moden Berdasarkan Piawaian Dan Keperluan Penduduk.	DS 37 L1	JKN, PMPP, PBT
L 2.3.1.2 :	Menggalakkan Penglibatan Sektor Swasta Di Dalam Penyediaan Kemudahan Kesihatan Melalui Pemberian Insentif Yang Ditetapkan Oleh PBN Ke Arah Memajukan 'Health Tourism' Tanpa Meminggirkan Kemudahan Kesihatan Untuk Penduduk Tempatan.	DS 35 L3 DS 37 L2	BPEN, JKN, PBT
L 2.3.1.3 :	Menyediakan Kemudahan Pusat-Pusat Kesihatan Bagi Mencapai Tahap Liputan Perkhidmatan Kesihatan Yang Menyeluruh.	-	JKN
DSP 2.3.2 :	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MENGIKUT KEPERLUAN KUMPULAN SASAR	DS 35 L2	
L 2.3.2.1 :	Menggunakan Satu Piawaian Penyediaan Kemudahan Masyarakat Institusi Kebajikan Bagi Membentuk Masyarakat Yang Harmoni.	DS 38 L1	PMPP, JKM, PBT, PDT
L 2.3.2.2 :	Memastikan Tapak-Tapak Kemudahan Pusat Masyarakat Diletakkan Di Lokasi Yang Sesuai Dengan Agihan Penduduk Dan Mempunyai Kemudah Samapaian Yang Baik.	-	PMPP, JKM, PBT, PDT
L 2.3.2.3 :	Membina Pusat-Pusat Jagaan Warga Tua, Rumah Anak Yatim Dan Pusat Krisis Di Kawasan Yang Sesuai.	DS 38 L2	JKM
L 2.3.2.4 :	Menggalakkan Penglibatan Sektor Swasta Di Dalam Penyediaan Kemudahan Kebajikan Masyarakat Melalui Pemberian Insentif Yang Ditetapkan Oleh PBN.	DS 35 L3	BPEN, PMPP, JKM
DSP 2.3.3 :	MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN KECEMASAN MELIPUTI POLIS, BOMBA, ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM), AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) DAN LAIN-LAIN AGENSI BERKAITAN BAGI MENCAPAI TAHAP LIPUTAN PERKHIDMATAN YANG MENYELURUH	DS 35 L2 DS 39	
L 2.3.3.1 :	Mengadaptasikan Falsafah Dan Garis Panduan Bandar Selamat.	DS 39 L2	PBT, PMPP
L 2.3.3.2 :	Menyediakan Balai-Balai Bomba, Polis, APM, Dan APMM Berdasarkan Hierarki Dan Liputan Yang Bersesuaian Bagi Mencapai Tahap Perkhidmatan Yang Menyeluruh.	DS 39 L1	PDRM, APM JBPM, APMM

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 2.3.4	MEMASTIKAN PENYEDIAAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI YANG MENCUKUPI MENGIKUT HIERARKI DAN TABURAN PENDUDUK	<i>DS 35 L2</i>	
L 2.3.4.1	Menetapkan Setiap Pembangunan Perumahan Kawasan Lapang Dan Rekreasi Sebanyak 10% Daripada Keluasan Seluruh Negeri Pulau Pinang.	-	PMPP, PBT
L 2.3.4.2	Memastikan Semua Kawasan Lapang Awam Diwartakan.	<i>DS 41</i>	PMPP, PBT
L 2.3.4.3	Menyediakan Kawasan Lapang Dan Kemudahan Rekreasi Yang Mencukupi Dan Bersesuaian Dengan Keperluan Masyarakat Tempatan.	<i>DS 41 L3 DS 41 L4</i>	PBT
L 2.3.4.4	Memperkukuhkan Peranan Perbadanan Kawasan Lapang Ke Arah Menjayakan Dasar Kawasan Lapang Negeri.	-	PMPP, PBT
L 2.3.4.5	Mengekal, Menaik Taraf Dan Menyelenggara Kawasan Kemudahan Rekreasi Dan Taman Awam Utama.	<i>DS 41 L2</i>	PBT
DSP 2.3.5	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SUKAN BERPRESTASI TINGGI DAN ANTARABANGSA	-	
L 2.3.5.1 <i>(Rujuk Bersama L 3.1.1.9)</i>	Mengalakkan Penyediaan Kemudahan Sukan Berprestasi Tinggi Serta Infrastruktur Sokongan Di Kawasan Pembangunan Baharu Yang Sesuai.	-	BPEN, PBT, JBS, PDC
L 2.3.5.2	Menaik Taraf Kemudahan-Kemudahan Sukan Sedia Ada Menepati Piawaian Antarabangsa (rujuk Rajah 6).	-	BPEN, PBT, JBS, PDC
L 2.3.5.3	Mengalakkan Penglibatan Sektor Swasta Dalam Penyediaan Kemudahan Sukan Dan Infrastruktur Sokongan Melalui Pemberian Insentif Oleh PBN.	-	BPEN, PBT, JBS, PDC



Sumber : <http://www.engineersjournal.ie/2016/02/23/irish-renewable-energy-firm>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 2.3.6 :	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KEAGAMAAN YANG TERANCANG DAN MENCUKUPI SELARAS DENGAN KESESUAIAN JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT AGAMA DAN PIAWAIAN PERANCANGAN	DS 35 L2 DS 42	
L 2.3.6.1 :	Menyediakan Kemudahan Keagamaan Berdasarkan Kepada Keperluan Piawaian Yang Ditetapkan Oleh PBN Dan PBT.	DS 42 L1	PMPP, PBT
L 2.3.6.2 :	Menyediakan Tanah Perkuburan Islam Seluas 1 Ekar Bagi Setiap 2,000 Orang Penduduk Di Kawasan Pembangunan Baharu Atau Membayar Caruman Kubur Yang Tertakluk Kepada Kadar Yang Ditetapkan Oleh PBN.	DS 42 L9	PMPP, PBT
L 2.3.6.3 :	Menggalakkan Penggunaan Kaedah Alternatif Bagi Pengkebumian Masyarakat Bukan Islam Secara Pembakaran Moden (Krematorium).	DS 42 L9 & 10	BPEN, BKT, PBT
DSP 2.3.7 :	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PUSAT PERKHIDMATAN SETEMPAT MENGIKUT KEPERLUAN BAGI SETIAP KAWASAN TUMPUAN PENDUDUK	-	
L 2.3.7.1 :	Membangunkan Pusat Perkhidmatan Setempat Seperti Perkhidmatan Pos, Klinik, Pejabat Pendaftaran, Pejabat Imigresen, Kaunter Tiket/ Pembayaran Bil Dan Lain-Lain Perkhidmatan.	-	BPEN, BKT, PBT



PETUNJUK

- | | | | |
|--|---------------------------|--|--------------------------------------|
| | Taman Wilayah | | Lebuhraya |
| | Taman Bandaran | | Jalanraya |
| | Taman Masyarakat | | Landasan Keretapi |
| | Taman Tempatan | | Sempadan Negeri |
| | Taman Bandar | | Sempadan Daerah |
| | Kompleks Sukan | | Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu |
| | Kemudahan Rekreasi | | Lapangan Terbang |
| | Laluan Basikal | | Pelabuhan Utama |
| | Hutan Simpan Kekal | | Terminal Feri |
| | Cadangan Tebus Guna Tanah | | Pelabuhan Kapal Layar |
| | | | Sungai & Empangan |

Utara



Skala :- 1 : 50,000

RAJAH 6

KEMUDAHAN REKREASI DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2030



MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU
PINANG
SEBAGAI SEBUAH
NEGERI PINTAR,
HARMONI DAN
BERTARAF
ANTARABANGSA

RSN

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030

EKONOMI BERDAYA SAING, BERNILAI TINGGI DAN BERTARAF GLOBAL

TERAS 3		
EKONOMI BERDAYA SAING, BERNILAI TINGGI DAN BERTARAF GLOBAL		
DPU	DSP	L
<i>Memperkuuhkan Pertumbuhan Ekonomi Negeri Di Tahap Antarabangsa</i>	2	21
<i>Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan, Berdaya Saing Dan Bernilai Tinggi</i>	5	28
Jumlah	7	49

Pada tahun 2010, Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan sumbangan KDNK (pada harga malar tahun 2000) sebanyak RM 46,455 Juta (8.1%) kepada KDNK Negara; iaitu berada di tempat kelima selepas Selangor (22.3%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (14.9%), Johor (9.5%) dan Sarawak (9.3%). Bagi tempoh 2005 hingga 2010, KDNK Negeri Pulau Pinang mengalami pertumbuhan pada paras 4.2% dan ini tidak jauh dari pertumbuhan KDNK pada peringkat negara iaitu sebanyak 4.5%. Pada tahun 2014 pula kadar pertumbuhan tahunan yang dicatatkan meningkat kepada 7.4%.^[1]

Dalam sektor pelancongan diunjurkan ketibaan pelancong ke Negeri Pulau Pinang akan meningkat daripada 5.9 juta orang pada tahun 2010 kepada 7.7 juta orang pada tahun 2030 yang terdiri daripada 3.1 juta pelancong tempatan dan 4.6 juta orang pelancong antarabangsa^[2]. Cabaran ekonomi Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan adalah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited ke arah menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan berpendapatan tinggi. Sehubungan itu pengukuhan sumber manusia dan peningkatan produktiviti perlu diberi perhatian khasnya dalam sektor-sektor utama seperti perdagangan antarabangsa, pembuatan, pertanian dan makanan, pelancongan dan perkhidmatan. Penggunaan teknologi pintar dalam pembangunan sektor-sektor tersebut dijangka akan melonjakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri.

Seiring dengan revolusi industri ke-empat, yang berlaku di peringkat global, Negeri Pulau Pinang harus bersedia untuk menghadapi perubahan *Internet of Things* (IoT) yang membaikpulih bukan sahaja perniagaan, tetapi hampir semua aspek kehidupan seharian. Ia adalah trend semasa automasi dan pertukaran data dalam teknologi pembuatan.

Bagi memastikan pembangunan ekonomi yang terus berdaya saing dan memperkuuhkan rantai nilai ekonomi wilayah dan antarabangsa di masa hadapan, maka TERAS 3 dibentuk supaya perancangan pembangunan ekonomi mempunyai nilai tinggi dan bertaraf antarabangsa.

TERAS 3 mempunyai **2 Dasar Perancangan Utama** yang disokong dengan **7 Dasar Strategik Pelaksanaan** berserta **49 Langkah-langkah Pelaksanaan**.

Sumber : [1] Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012.
Laporan Tinjauan RSNPP 2030.

[2] Unjuran di atas hanya mengambilkira bilangan pelancong masuk yang berdaftar melalui lapangan terbang dan hotel.

Jadual C.3 : Ringkasan DPU dan DSP Bagi Teras 3

DPU 3.1

MEMBANGUNKAN KAWASAN PEMBANGUNAN YANG DIKENALPASTI BAGI MEMPERKUKUHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI PULAU PINANG DI TAHAP ANTARABANGSA

DSP 3.1.1

Memperkukuhkan Kedudukan Negeri Pulau Pinang Sebagai Pusat Perdagangan Serantau Dan Pelancongan Antarabangsa.

DSP 3.1.2

Memperkasakan Industri Pelancongan Sebagai Salah Satu Penggerak Utama Ekonomi Negeri Pulau Pinang.

DPU 3.2

MEMASTIKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI YANG MAMPAN, BERDAYA SAING DAN BERNILAI TINGGI MELALUI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN SOKONGAN YANG BERSESUAIAN

DSP 3.2.1

Mempertingkatkan Aktiviti Perindustrian Dengan Kemudahan Sokongan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas Bertaraf Dunia.

DSP 3.2.2

Mempelbagaikan Aktiviti Perindustrian Berasaskan Pengetahuan Yang Juga Dapat Menghasilkan Produk Kreatif Dan Inovatif.

DSP 3.2.3

Menawarkan Kepelbagaian Ruang Perdagangan Dan Perkhidmatan Yang Mampu Memacu Pertumbuhan Ekonomi Berpulangan Tinggi Dan Memenuhi Ciri-ciri Bangunan Hijau.

DSP 3.2.4

Memperkhemaskan, Meningkatkan Imej Serta Menyediakan Kemudahan Sokongan Kepada Perdagangan Informal Yang Menyumbang Kepada Sektor Pelancongan.

DSP 3.2.5

Menggalakkan Pembangunan Pertanian (Tanaman, Penternakan Dan Akuakultur) Secara Komersil Dan Terancang Dengan Amalan Teknologi Tinggi.

Infografik C.1 : REVOLUSI PERINDUSTRIAN KE -4

Industri 4.0 dibina di atas teknologi yang semakin berkuasa termasuk robotik canggih, pendigitan kilang berskala besar, cetakan 3D dan inovasi tenaga. Industri 4.0 dicirikan oleh gerakan ke arah dunia yang saling berpaut, di mana mesin berinteraksi sesama sendiri tanpa batasan dan di mana data besar dan analisis lanjutan bersatu untuk menghasilkan pemahaman yang lebih tinggi dan membuat keputusan masa nyata yang sebenar.

Sumber: Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia 2017
<https://www.mida.gov.my>

<p>INDUSTRI 1.0</p>  <p><i>Penemuan Enjin Stim. Mekanisasi Seperti Mesin Pintal Dan Landasan Lokomotif</i></p> <p>Lewat Kurun Ke -18</p>	<p>INDUSTRI 2.0</p>  <p><i>Penemuan Dan Penggunaan Elektrik Secara Komersil. Pengeluaran Besar-Besaran Melalui Barisan Pemasangan. Barisan Pengeluaran Utama, Rumah Penyembelihan Cincinnati, 1870</i></p> <p>Pertengahan Kurun Ke - 19</p>	<p>INDUSTRI 3.0</p>  <p><i>Pengenalan ICT, Elektronik Dan Automasi Berkuasa</i></p> <p>Pertengahan Kurun Ke - 20</p>	<p>INDUSTRI 4.0</p>  <p><i>Gabungan Sistem & Teknologi Digital, Siber – Fizikal & Biologi</i></p> <p>Awal Kurun ke - 21</p>
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------


DPU 3.1

MEMBANGUNKAN KAWASAN PEMBANGUNAN YANG DIKENALPASTI BAGI MEMPERKUKUHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI PULAU PINANG DI TAHAP ANTARABANGSA



Terdapat 2 DSP Di Bawah DPU 3.1, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 21 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 3.1.1	MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN SERANTAU DAN PELANCONGAN ANTARABANGSA		
L 3.1.1.1 <i>(Rujuk Bersama L 5.2.2.1)</i>	Meningkatkan Peranan Negeri Pulau Pinang Sebagai Konurbasi Utara Semenanjung Malaysia Melalui Pembangunan Ekonomi.	DS 1	BPEN, NCIA TM, PGT
L 3.1.1.2	Memperkukuhkan Produk Pelancongan Sedia Ada Di Negeri Pulau Pinang Seperti Legasi Sejarah Dan Warisan Alam Semula Jadi Yang Diintergrasikan Dengan Pembangunan Bandar Moden Bagi Mencapai Kemajuan Ekonomi, Sosial Dan Alam Sekitar Yang Mampun.	-	BPEN, NCIA TM, PGT
L 3.1.1.3	Memberi Suntikan Baharu Kepada Pembangunan Bandar Butterworth Sebagai Hub Pelancongan Di Seberang Perai.	-	BPEN, PBT, TM, PGT
L 3.1.1.4	Memastikan Cadangan Pembangunan Kawasan-Kawasan Baharu Mampu Menarik Minat Pelaburan Tinggi Dan Dapat Meletakkan Negeri Pulau Pinang Ke Tahap Perdagangan Serantau Dan Pelancongan Antarabangsa.	DS 16 L2	MIDA, NCIA, PDC
L 3.1.1.5	Menggabungkan Produk-Produk Pelancongan Di Dalam Konurbasi Pulau Pinang Ke Arah Mewujudkan Hub Pelancongan Bertaraf Global Disokong Dengan Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Yang Menepati Piawai Pelancongan Antarabangsa (<i>United Nation World Tourism Organization Standard- UNWTO</i>).	-	TM, PGT, GTWHI
L 3.1.1.6 <i>(Rujuk Bersama L 1.1.5.1)</i>	Menerapkan Konsep Pembangunan <i>Smart City</i> Dan <i>Compact City</i> Yang Memiliki Nilai Estetik, Menggunakan Teknologi Hijau Dan Pintar.	-	PGC, PMPP, PBT, BPEN
L 3.1.1.7	Mengenalpasti Kawasan-Kawasan Pembangunan Yang Sesuai Mengikut Hierarki Aktiviti Perdagangan.	-	PMPP, PBT, PDC
L 3.1.1.8 <i>(Rujuk Bersama L 2.3.1.2)</i>	Memperkasakan Pelancongan Kesihatan Dengan Menjadikan Negeri Pulau Pinang Sebagai Destinasi Pelancongan Kesihatan Utama Di Rantau Ini.	-	BPEN, PGT
L 3.1.1.9 <i>(Rujuk Bersama L 2.3.5.1)</i>	Memperkukuhkan Kemudahan Sokongan Dan Kualiti Perkhidmatan Produk Pelancongan ' <i>Meetings, Incentives, Conventions And Exhibitions</i> ' (MICE). <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Pusat-Pusat Konvensyen Bertaraf Antarabangsa; Menyediakan Kemudahan Sokongan Dan Kemudahan Pengangkutan Yang Mencukupi Seperti Kemudahan Penginapan Dan Pengangkutan Yang Baik Di Sekitar Pusat Konvensyen; Bekerjasama Dengan Penganjur-Penganjur Konvensyen Profesional Untuk Memperkenalkan Negeri Pulau Pinang Sebagai Destinasi Pelancongan MICE; Dan Mempelbagaikan Acara Dan Aktiviti MICE Seperti Ekspo Perdagangan, Sukan, Persembahan Kesenian Dan Festival. 	DS 15 L6	BPEN, PBT, PGT, PDC



Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
L 3.1.1.10	Menyediakan Pelan Induk Pelancongan Negeri Yang Dapat Membangunkan Kawasan Pelancongan Sedia Ada Dan Kawasan Berpotensi Serta Produk Pelancongan Yang Ada.	-	BPEN, NCIA, PBT, GTWHI, TM, PGT
L 3.1.1.11	Menggalakkan Penglibatan Sektor Swasta Di Dalam Membangunkan Produk Pelancongan Melalui Pemberian Insentif Yang Ditetapkan Oleh PBN.	-	BPEN, NCIA, PBT, GTWHI
L 3.1.1.12	Mengekalkan Status George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia Selaras Dengan Pengiktirafan UNESCO.	-	GTWHI, PBT
DSP 3.1.2	MEMPERKASAKAN INDUSTRI PELANCONGAN SEBAGAI SALAH SATU PENGGERAK UTAMA EKONOMI NEGERI PULAU PINANG	<i>DS 14</i>	
L 3.1.2.1	Menggalakkan Dan Mempromosikan Negeri Pulau Pinang Sebagai Pusat Pelancongan Warisan Dan Kebudayaan Unik, Membeli Belah Dan Makanan Yang Memiliki Nilai-Nilai Sejagat Yang Menonjol (<i>Outstanding Universal Value</i>).	<i>DS 15 L4</i>	BPEN, NCIA, GTWHI, JWN, JKKN, TM, PGT
L 3.1.2.2	Menjalankan Kajian Dan Menentukan Unsur-unsur Penting Berpandukan Kepada Inventori Bangunan-Bangunan Warisan Dan Bernilai Sejarah Untuk Dipelihara Dan Dipulihara Bagi Memperkukuhkan Produk Pelancongan Warisan Di Negeri Pulau Pinang.	<i>DS 16</i>	PMPP, GTWHI, PBT, JWN, JKKN
L 3.1.2.3	Mengoptimumkan Peluang-Peluang Pembangunan Dan Aktiviti Ekonomi Daripada Status Tapak Warisan Dunia George Town.	-	BPEN, NCIA, GTWHI, PBT
L 3.1.2.4	Menumpukan Pembangunan Pelancongan Kepada Tiga Zon Utama Iaitu :- <ul style="list-style-type: none"> • Zon Pelancongan Pantai; • Zon Warisan Bandar; Dan • Zon Pelancongan Eko Dan Agro. (Rujuk Rajah 7).	<i>DS 14 L7</i>	BPEN, NCIA, GTWHI, PBT, JTB, PBB



Sumber : <http://bsnscb.com/economy-wallpapers.html>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
L 3.1.2.5 :	<p>Membangun Dan Mempertingkatkan Lagi Produk Pelancongan Pantai Dengan Cara:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti Zon Pelancongan Pantai Peranginan Yang Merangkumi Batu Ferringgi, Teluk Bahang, Tanjong Bungah, Tanjong Tokong Dan Persiaran Gurney; • Membangunkan Bahagian Selatan Pulau Sebagai Zon Pelancongan Eko Dan Agro Yang Merangkumi Kawasan Bayan Lepas, Batu Maung, Telok Kumbar, Gertak Sanggul Dan Balik Pulau; • Meningkatkan Tahap Kebersihan Serta Kualiti Air Marin Bagi Memastikan Pantai-Pantai Di Sekitar Zon Pelancongan Pantai Peranginan Terjamin Kebersihannya; • Mengadakan Sistem Amaran Awal (<i>Life Guard</i>) Di Pantai-Pantai Peranginan Bagi Memastikan Keselamatan Orang Awam Dan Pelancong Terjamin; Dan • Memastikan Kemudahan-Kemudahan Sokongan Pelancongan Sentiasa Diselenggara Dengan Baik. 	DS 15 L3	BPEN, NCIA, PBT
L 3.1.2.6 :	<p>Memperkasakan Produk-Produk Pelancongan Agro Dan Eko Melalui Perancangan Dan Program Yang Dapat Menarik Kedatangan Pelancong Yang Lebih Ramai;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Zon Pelancongan Agro : Pulau Aman, Pulau Gedong, Pulau Betong, Pulau Rimau Dan Pulau Kendi. • Zon Pelancongan Eko : Bukit Bendera, Taman Negara Pulau Pinang, Empangan Teluk Bahang, Empangan Ayer Itam, Pulau Jerejak, Empangan Mengkuang, Taman Negeri Bukit Panchor, Taman Rimba Bukit Mertajam, Taman Rimba Teluk Bahang, Hutan Paya Laut Penaga, Hutan Paya Laut Pantai Acheh, Ayer Hitam Dalam, Penaga Dan Kuala Muda. 	DSU 6 L 7 DS 15 L8	BPEN, NCIA, PBT, TM, PGT, JTB, PBB
L 3.1.2.7 : (Rujuk Bersama DK 6.2.3)	<p>Menggalakkan Pembangunan Pelancongan Desa Melalui Industri Kraftangan, Industri Desa, Pertanian (Dusun Durian/Buah-Buahan Dan Sawah Padi), Inap Desa Serta Industri Produk Kesenian Yang Dapat Menggambarkan Budaya Tempatan Termasuk Barangan Yang Dapat Mempromosi Jenama Negeri Pulau Pinang.</p>	DS 9 L6	BPEN, NCIA, PBT, PDT, JWN, JKKN
L 3.1.2.8 :	<p>Meningkatkan Prasarana Pelancongan Dari Aspek Aksesibiliti Dan Kemudahan Sokongan.</p>	DS 15 L7	BPEN, NCIA, PBT, PDT
L 3.1.2.9 :	<p>Menggalakkan Penggunaan Aplikasi Pintar Berkaitan Bagi Meningkatkan Perkhidmatan Dan Kemudahan Pelancongan.</p>	DS 15 L5	BPEN, TM, PGT

DPU 3.2

MEMASTIKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI YANG MAMPAN, BERDAYA SAING DAN BERNILAI TINGGI MELALUI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN SOKONGAN YANG BERSESUAIAN

Terdapat 5 DSP Di Bawah DPU 3.2, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 28 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.





Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 3.2.1	MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DENGAN KEMUDAHAN SOKONGAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS BERTARAF DUNIA	-	
L 3.2.1.1	Menyediakan Pelan Induk Perindustrian Untuk Menentukan Hala Tuju Pembangunan Perindustrian Dalam Negeri Pulau Pinang.	-	BPEN, PMPP, PDC
L 3.2.1.2	Membangunkan Kawasan Perindustrian Baharu Di <i>Penang South Reclamation</i> (PSR) Bagi Menyokong Perindustrian FIZ Sedia Ada Di Bayan Lepas.	-	BPEN, MIDA, PDC
L 3.2.1.3	Menaik Taraf Infrastruktur Kawasan Perindustrian Sedia Ada Secara Bersepadu (rujuk Rajah 8).	-	BPEN, PBT, PDC
L 3.2.1.4 <i>(Rujuk Bersama DSP 5.4.3)</i>	Menggalakkan Pembangunan Taman Perindustrian Berserta Bangunan Kilang Dengan Kemudahan Sokongan Yang Lengkap Serta Penggunaan Teknologi Tinggi.	-	BPEN, PBT, PDC
L 3.2.1.5	Menempatkan Semula Industri-Industri Yang Menimbulkan Percanggahan Zon Guna Tanah RT Dan RKK.	DS 12 L3	BPEN, PBT, PDC
DSP 3.2.2	MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN BERASASKAN PENGETAHUAN YANG JUGA DAPAT MENGHASILKAN PRODUK KREATIF DAN INOVATIF	-	
L 3.2.2.1	Mempertingkatkan Inovasi Melalui Pembangunan R&D Dengan Menggalakkan Penglibatan Golongan Belia Yang Berpengetahuan, Berkemahiran Dan Mempunyai Nilai Seni Yang Tinggi.	DS 10 L2	MIDA, PDC, PBT
L 3.2.2.2	Memperkukuhkan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Dengan Pengalihan Kepada K-Ekonomi Yang Dapat Menawarkan Kemudahan <i>Knowledge Process Outsourcing</i> (KPO) Kepada Syarikat MNC Dalam Bidang IT.	DS 9 L4 DS 10 L6 DS 12	MIDA, PDC, PBT
L 3.2.2.3	Mengenalpasti Kawasan-Kawasan Berpotensi Untuk Pembangunan IKS Di Peringkat Rancangan Tempatan Bagi Mewujudkan Kawasan-Kawasan Industri Yang Teratur Termasuk Menyediakan Tapak Pengumpulan Sisa Pepejal, Infrastruktur Dan Kemudahan Yang Berseesuaian Dan Lengkap.	DS 12 L5	PDC, PBT
L 3.2.2.4	Mempertingkatkan Nilai Ditambah Dan Memperkukuhkan Rantainya Industri Sokongan Dengan Industri Utama Melalui: <ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS); • Penambahan Bilangan Pembekal Bahan Mentah Dan Barangan Separa Siap; Dan • Perkhidmatan Kewangan, Agensi Pengiklanan Dan Pemasaran, Pusat R&D, Pusat Latihan Dan Rangkaian Pengedar. 	DS 12 L1	BPEN, PDC, PBT
L.3.2.2.5	Mewujudkan Lebih Banyak Bangunan-Bangunan Perindustrian Untuk Industri-Industri Berskala Kecil Dan Sederhana Untuk Dijual Atau Disewa.	DS 12 L9	BPEN, PDC, PBT

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
L.3.2.2.6 <i>(Rujuk Bersama DK 6.2.3)</i>	Membenarkan Aktiviti-Aktiviti Industri Desa Dan IKS Yang Diusahakan Secara Sambilan Oleh Penduduk Kampung Yang Beroperasi Secara Terkawal dan Tidak Mencemarkan Serta Menggunakan Bekalan Air Dan Elektrik Yang Minima. Tumpuan Adalah Kepada Industri Berasaskan Makanan Tradisional, Pembungkusan Dan Industri Asas Tani. Selain Itu Ia Tertakluk Kepada Pematuhan Syarat-Syarat Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar Dan Keperluan Agensi Yang Berkaitan.	DSU 6 L5	PDC, PBT, PERDA, MARA, JAS
L 3.2.2.7	Mengeluar Dan Mempromosi Produk Halal Ke Peringkat Global.	-	BPEN, PIHH
L 3.2.2.8	Menggalakkan Pembangunan Industri Berasaskan Konsep Industri Hijau.	-	BPEN, PGC
DSP 3.2.3	MENAWARKAN KEPELBAGAIAN RUANG PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG MAMPU MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI BERPULANGAN TINGGI DAN MEMENUHI CIRI-CIRI BANGUNAN HIJAU	-	
L 3.2.3.1	Mengurangkan Kadar Kekosongan Ruang Perniagaan Melalui Pendekatan-Pendekatan Seperti Insentif Atau Galakkan, Promosi Dan Perancangan Pembaharuan Semula Bandar (<i>Urban Renewal</i>).	-	PMPP, PBT, PDC
L 3.2.3.2	Mengkaji Kesesuaian Pendekatan Aplikasi Strata Bagi Pembangunan Bercampur Antara Perniagaan Dan Perumahan.	-	PMPP, PBT
L 3.2.3.3	Menggalakkan Aktiviti Perdagangan Dan Perkhidmatan Yang Berasaskan K-Ekonomi.	-	BPEN
L 3.2.3.4	Menaik Taraf Pasar-Pasar Basah Sedia Ada Kepada Pasar Basah Yang Moden Dan Lebih Bersih.	DS 20	PBT
L 3.2.3.5	Menawarkan Kemudahan Ruang Lantai Perniagaan Mengikut Keperluan Untuk Mencapai Sasaran Ruang Lantai Perdagangan Negeri Pulau Pinang Sejumlah 31 Juta Meter Persegi Menjelang 2030.	DS 18 L2 DS 19 L4	PBT
DSP 3.2.4	MEMPERKEMASKAN, MENINGKATKAN IMEJ SERTA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SOKONGAN KEPADA PERDAGANGAN INFORMAL YANG MENYUMBANG KEPADA SEKTOR PELANCONGAN	-	
L 3.2.4.1	Menyelaras Dan Mengawal Selia Kiosk Penjaja Sedia Ada Dan Baharu Bagi Menggalakkan Aktiviti Penjajaan Yang Selesa, Bersih, Selamat Dan Sistematis.	-	PBT
L 3.2.4.2	Penjenamaan Semula Aktiviti Penjajaan Dan Makanan Sebagai Sumber Ekonomi Penduduk Tempatan Melalui Penyediaan Prasarana Yang Lengkap.	-	PBT



Sumber : <https://www.flickr.com/photos/harbx/>

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 3.2.5 : <i>(Rujuk Bersama DSP 5.4.3)</i>	MENGALAKKAN PEMBANGUNAN PERTANIAN (TANAMAN, PENTERNAKAN DAN AKUAKULTUR) SECARA KOMERSIL DAN TERANCANG DENGAN AMALAN TEKNOLOGI TINGGI	DS 24	
L 3.2.5.1 :	Mengekalkan Dan Memelihara Kawasan - Kawasan Pertanian Utama (KPU) Di Negeri Pulau Pinang Sebagai Mendokong Dasar Keselamatan Makanan Negara.	-	Jab. Pertanian, PBT, PMPP, JPS, IADA
L 3.2.5.2 :	Mengekalkan Kawasan Tanaman Utama Buah-Buahan Tempatan Terutamanya Dusun Durian / Buah-buahan Sebagai Kawasan Pengeluaran Dan Produk Pelancongan	-	Jab. Pertanian, PBT
L 3.2.5.3 :	Mengusahakan Atau Membangunkan Tanah Yang Terbiar / Usang Untuk Aktiviti Pertanian Yang Sesuai Termasuk <i>Urban Farming</i> Yang Meliputi <i>Rooftop Garden</i> Dan <i>Vertical Garden</i> .	-	Jab. Pertanian, PBT, PMPP
L 3.2.5.4 :	Memelihara Kawasan-Kawasan Yang Penting Sebagai Sumber Perikanan Dalam Zon Perikanan Tangkapan, Zon Konservasi Perikanan Dan Zon Industri Akuakultur (ZIA).	DS 24 L1 & L2	Jab. Perikanan
L 3.2.5.5 :	Memastikan Perkembangan Industri Burung Walit Adalah Terkawal Dan Mematuhi Perundangan Serta Peraturan Yang Telah Ditetapkan Oleh PBT Dan Agensi Berkaitan.	DS 23 L1	JPV, PBT
L 3.2.5.6 :	Menggalakkan Aktiviti Penternakan dan Akuakultur Secara Komersil Serta Terancang Yang Mengamalkan Teknologi Tinggi Bagi Meningkatkan Sumber Bekalan Makanan Dan Tidak Mencemarkan Alam Sekitar.	DS 22	Jab. Pertanian, Jab. Perikanan, JPV, JAS, PBT
L 3.2.5.7 :	Membangunkan Pusat Sembelihan Yang Bersih, Sistematis Dan Tidak Mencemarkan Alam Sekitar.	DS 22 L5	JPV, JKN, JAS, PBT
L 3.2.5.8 :	Mempertingkatkan Pengeluaran Sub Sektor Makanan Selaras Dengan Sasaran Untuk Mengurangkan Import Makanan.	DS 21	Jab. Pertanian, Jab. Perikanan, JPV



PETUNJUK

- | | |
|-----------------------------------|--------------------------------------|
| Zon Pelancongan Pantai Peranginan | Landasan Keretapi |
| Zon Warisan Sejarah | Sempadan Negeri |
| Zon Pelancongan Eko & Agro | Sempadan Daerah |
| Hutan | Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu |
| Hutan Simpan Kekal | Lapangan Terbang |
| Cadangan Tebus Guna Tanah | Pelabuhan Utama |
| Lebuhraya | Terminal Feri |
| Jalanraya | Pelabuhan Kapal Layar |
| | Sungai & Empangan |

Utara





Skala :- 1 : 50,000

RAJAH 7

ZON-ZON PELANCONGAN NEGERI PULAU PINANG



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PULAU PINANG 2030



PETUNJUK

- | | | | |
|--|-----------------------------|--|--------------------------------------|
| | Kawasan Perindustrian Utama | | Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu |
| | Cadangan Tebus Guna Tanah | | Lapangan Terbang |
| | Lebuhraya | | Pelabuhan Utama |
| | Jalanraya | | Terminal Feri |
| | Landasan Keretapi | | Pelabuhan Kapal Layar |
| | Sempadan Negeri | | Sungai & Empangan |
| | Sempadan Daerah | | |

Utara



Skala :- 1 : 50,000

RAJAH 8

**KAWASAN PERINDUSTRIAN UTAMA
NEGERI PULAU PINANG**



**RANCANGAN STRUKTUR
NEGERI PULAU PINANG
2030**

URUS TADBIR KERAJAAN YANG BAIK

TERAS 4

URUS TADBIR KERAJAAN YANG BAIK

DPU	DSP	L
<i>Mekanisma Pelaksanaan</i>	2	12
Jumlah	2	12

Setiap agensi kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan perancangan pembangunan samada rancangan tahunan dan rancangan lima tahun.

PLANMalaysia@Pulau Pinang (PMPP) bertanggungjawab dalam menyediakan Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) di samping menyelaraskan penyediaan Rancangan Tempatan (RT) yang disediakan oleh PBT.

Dasar-Dasar Rancangan Pembangunan ini perlu diterimapakai oleh agensi-agensi perancangan dan pelaksanaan pembangunan supaya visi perancangan pembangunan yang ditetapkan dapat dicapai. Kaedah-kaedah urus tadbir yang cekap dapat membantu melancarkan penterjemahan dasar dan strategi pembangunan. Sehubungan dengan itu, prinsip-prinsip CAT iaitu '*Competency, Accountability and Transparency*' sentiasa menjadi asas kepada urustadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bagi memastikan perancangan pembangunan dapat dilaksanakan maka TERAS 4 dibentuk supaya urus tadbir kerajaan dapat dilakukan dengan lebih baik.

TERAS 4 mempunyai **1 Dasar Perancangan Utama** yang disokong dengan **2 Dasar Strategik Pelaksanaan** berserta **12 Langkah-langkah Pelaksanaan**.

Jadual C.4 : Ringkasan DPU dan DSP Bagi Teras 4

DPU 4.1

MELAKSANAKAN DASAR-DASAR RANCANGAN STRUKTUR SECARA TELUS DAN BERINTEGRITI MELALUI MEKANISMA PELAKSANAAN YANG SISTEMATIK DENGAN URUS TADBIR YANG EFEKTIF

DSP 4.1.1

Menjadikan Semua Dasar Serta Garis Panduan Yang Berkaitan Dengan Pembangunan Sebagai Dokumen Awam Yang Boleh Dirujuk Dengan Mudah.

DSP 4.1.2

Memastikan Dasar-Dasar Rancangan Struktur Dipatuhi Di Dalam Pembangunan Negeri Pulau Pinang.



DPU 4.1

MELAKSANAKAN DASAR-DASAR RANCANGAN STRUKTUR SECARA TELUS DAN BERINTEGRITI MELALUI MEKANISMA PELAKSANAAN YANG SISTEMATIK DENGAN URUS TADBIR YANG EFEKTIF



Terdapat 2 DSP Di Bawah DPU 4.1, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 12 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP2020	Agensi Pelaksana
DSP 4.1.1	MENJADIKAN SEMUA DASAR SERTA GARIS PANDUAN YANG BERKAITAN DENGAN PEMBANGUNAN SEBAGAI DOKUMEN AWAM YANG BOLEH DIRUJUK DENGAN MUDAH	-	
L 4.1.1.1	Menggunakan Media Hebahan Sebagai Kaedah Rujukan Terhadap Dasar-Dasar Serta Garis Panduan Negeri Dan PBT Yang Terkini.	-	
L 4.1.1.2	Menggunakan Aplikasi Pintar Sebagai Salah Satu Cara Rujukan Terhadap Dasar-Dasar Serta Garis Panduan Yang Berkaitan Dengan Pembangunan Negeri Pulau Pinang.	-	Semua Agensi Pelaksana
L 4.1.1.3	Menyelaraskan Garis Panduan-Garis Panduan Perancangan.	-	
L 4.1.1.4	Mengemaskini Pengkalan Data, Isu Dan Prospek Secara Berkala Berkaitan Perancangan Bandar Untuk Tujuan Pembentukan Polisi Masa Hadapan.	-	
DSP 4.1.2	MEMASTIKAN DASAR-DASAR RANCANGAN STRUKTUR DIPATUHI DI DALAM PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG	-	
L 4.1.2.1	Menerima pakai Dasar-Dasar Rancangan Pemajuan Oleh Agensi-Agensi Perancangan Dan Pembangunan Dalam Penyediaan Rancangan Pembangunan Di Peringkat Negeri.	DS 1 L1	
L 4.1.2.2	Menterjemahkan Dan Menyelaraskan Dasar-Dasar RS Di Dalam Penyediaan RT Dan RKK.	DS 1 L2	
L 4.1.2.3	Mewartakan Semua Rancangan Pemajuan Yang Telah Disediakan.	-	
L 4.1.2.4	Memastikan Dasar-Dasar Pembangunan Guna Tanah Dipatuhi Dan Menepati Klasifikasi Dan Agihan Guna Tanah Yang Ditetapkan.	DS 1 L3	Semua Agensi Pelaksana
L 4.1.2.5	Mengukur Pencapaian Dan Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Dasar-Dasar RS Setiap Lima Tahun.	-	
L 4.1.2.6	Memantapkan Peranan PMPP Sebagai Penyelaras Utama Di Dalam Memantau Pelaksanaan Dasar-Dasar Rancangan Pemajuan.	-	
L 4.1.2.7	Memastikan Perancangan Selaras Dengan <i>Sustainable Development Goal (SDG)</i> Dan <i>New Urban Agenda (NUA)</i>	-	
L 4.1.2.8	Menguatkuasakan Peraturan-Peraturan, Garis Panduan Dan Undang-Undang Yang Berkaitan Warisan Di Peringkat Negeri Dan Negara.	-	



MEMAKMURKAN
NEGERI PULAU
PINANG
SEBAGAI SEBUAH
NEGERI PINTAR,
HARMONI DAN
BERTARAF
ANTARABANGSA

RSN

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

PULAU PINANG 2030

PEMBANGUNAN MAMPAN, MESRA ALAM DAN BERDAYA HUNI

TERAS 5		
PEMBANGUNAN MAMPAN, MESRA ALAM DAN BERDAYA HUNI		
DPU	DSP	L
<i>Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)</i>	6	27
<i>Pembangunan Spatial Berpandukan Kepada Rancangan Pemajuan</i>	4	13
<i>Membentuk Persekitaran Yang Kondusif</i>	2	9
<i>Pendekatan Teknologi Hijau</i>	3	10
Jumlah	15	59

Pembangunan Bandar Rendah Karbon telah menjadi tumpuan utama strategi Kerajaan Malaysia untuk mencapai komitmen pengurangan *Green House Gas* (GHG) atau Gas Rumah Hijau. Pada masa ini negara berada di kedudukan yang ke dua dari segi pelepasan karbon per kapita di Asia Tenggara. Malaysia akan meneruskan komitmen untuk mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida kepada 40 peratus menjelang tahun 2020 berbanding paras pada 2005.

Negeri Pulau Pinang juga tidak lari dari tanggungjawab untuk memastikan pengurangan pelepasan karbon dioksida ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah dan dasar-dasar yang progresif untuk merendahkan pengeluaran karbon dioksida ini. Seterusnya, menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Selamat, Sihat Dan Gembira.

Usaha-usaha ke arah tersebut boleh dicapai melalui perancangan guna tanah yang baik dengan mengambilkira aspek pemeliharaan alam sekitar. Ini akan dapat mengurangkan konflik guna tanah, memelihara kawasan sensitif alam sekitar, menjaga liputan kawasan hijau. Di samping itu, gaya hidup sihat di kalangan masyarakat akan terus digalakkan, antaranya melalui amalan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*).

Oleh yang demikian, TERAS 5 dibentuk dalam usaha untuk memastikan perancangan guna tanah yang mampan, mesra alam dan berdaya huni. **TERAS 5** mempunyai **4 Dasar Perancangan Utama** yang disokong dengan **15 Dasar Strategik Pelaksanaan** berserta **59 Langkah-langkah Pelaksanaan**.



Jadual C.5 : Ringkasan DPU dan DSP Bagi Teras 5

DPU 5.1	DPU 5.2	DPU 5.3	DPU 5.4
<p>MENGEKALKAN DAN MEMELIHARA KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) BAGI MEMASTIKAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MESRA ALAM DAN BERDAYA HUNI</p>	<p>MEMASTIKAN PERTUMBUHAN PEMBANGUNAN SPATIAL NEGERI PULAU PINANG DIBUAT BERPANDUKAN KEPADA RANCANGAN PEMAJUAN YANG DITETAPKAN</p>	<p>MEMAJUKAN KAWASAN PEMBANGUNAN DI NEGERI PULAU PINANG YANG DAPAT MEMBENTUK PERSEKITARAN YANG KONDUSIF DAN MENARIK MINAT UNTUK DIHUNI</p>	<p>MENGAWAL PENCEMARAN ALAM SEKITAR MELALUI PENDEKATAN TEKNOLOGI HIJAU DAN AMALAN 'LOW CARBON CITY FRAMEWORK' (LCCF)</p>
<p>DSP 5.1.1 Mengekal Dan Memelihara Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Seperti KSAS Berisiko Bencana, KSAS Bernilai Warisan Dan KSAS Sokongan Hidup.</p>	<p>DSP 5.2.1 Menjadikan Gambarajah Utama Sebagai Rangka Strategik Rancangan Pembangunan Dan Penggunaan Tanah Yang Efisien.</p>	<p>DSP 5.3.1 Menggunakan Pendekatan 'Urban Renewal' Di Kawasan Pembangunan Sedia Ada Dan Memperkenalkan Komponen Pembangunan Yang Dapat Meningkatkan Daya Huni Kawasan Tersebut'.</p>	<p>DSP 5.4.1 Memastikan Penyediaan SIA, EIA & EMP Serta EMR Dipatuhi Dan Melaksanakan Langkah-Langkah Mitigasi Yang Telah Dicadangkan Sebagai Mekanisma Pengawalan Pencemaran Alam Sekitar Di Dalam Aktiviti Pemajuan Tanah.</p>
<p>DSP 5.1.2 Melaksanakan Pembangunan Secara Mampai Bagi Memastikan Keseimbangan Antara Pembangunan Fizikal Dan Kepentingan Alam Sekitar Yang Terjamin.</p>	<p>DSP 5.2.2 Membangunkan Negeri Pulau Pinang Sebagai Konurbasi Utara Dan Kawasan Tumpuan Pembangunan Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Dan Perbandaran Wilayah Utara Semenanjung.</p>	<p>DSP 5.3.2 Menerapkan Pendekatan Elemen-Element Bandar Berdaya Huni Dalam Pembangunan Baharu.</p>	<p>DSP 5.4.2 Mengurangkan Pengeluaran Karbon Ke Persekitaran Melalui Penggunaan Teknologi Hijau Dan Bahan Bakar Alternatif Yang Tidak Mencemarkan.</p>
<p>DSP 5.1.3 Menguatkuasakan Garis Panduan Yang Digunakan Bagi Memelihara Dan Mengawal Pematangan Tanah Bukit.</p>	<p>DSP 5.2.3 Membangunkan Negeri Pulau Pinang Berdasarkan Kepada Hierarki Pusat Petempatan Yang Telah Dikenalpasti Di Dalam RFN Dan DPN.</p>		<p>DSP 5.4.3 Mengamalkan Amalan Baik Dalam Industri Pembuatan Dan Pertanian Bagi Meminimalkan Pengeluaran Bahan Tercemar Yang Boleh Merosakkan Kualiti Air, Udara Dan Bau.</p>
<p>DSP 5.1.4 Memastikan Perancangan Dan Pembangunan Guna Tanah Negeri Pulau Pinang Mengambil kira Aspek Kemungkinan Risiko Bencana.</p>	<p>DSP 5.2.4 Memastikan Cadangan Pemajuan Dilakukan Dalam Kawasan Keutamaan Pembangunan.</p>		
<p>DSP 5.1.5 Mengekal Dan Memelihara KSAS Bernilai Warisan Semulajadi Serta Warisan Budaya Tempatan.</p>			
<p>DSP 5.1.6 Mengekal Dan Memelihara KSAS Sokongan Hidup.</p>			

DPU 5.1

MENGEKALKAN DAN MEMELIHARA KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) BAGI MEMASTIKAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MESRA ALAM DAN BERDAYA HUNI



Terdapat 6 DSP Di Bawah DPU 5.1, Berikut Adalah Dasar Strategik Pelaksanaan Dengan 27 Langkah-Langkah Pelaksanaannya.

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
DSP 5.1.1	MENGEKAL DAN MEMELIHARA KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) SEPERTI KSAS BERISIKO BENCANA, KSAS BERNILAI WARISAN DAN KSAS SOKONGAN HIDUP	DSU 10	
L 5.1.1.1	Mengkategorikan KSAS Yang Telah Dikenalpasti Sebagai Kawasan Pengekalan Dan Pemeliharaan Seperti Berikut :- <ul style="list-style-type: none"> ▪ KSAS Berisiko Bencana (Rujuk DSP 5.1.3 & 5.1.4) ▪ KSAS Bernilai Warisan (Rujuk DSP 5.1.5) ▪ KSAS Sokongan Hidup (Rujuk DSP 5.1.6) (rujuk Rajah 9).	DSU 10 L1	PMPP, PBT
L 5.1.1.2	Langkah-Langkah Pemeliharaan Dan Pengekalan KSAS Hendaklah Diperincikan Di Semua Peringkat Perancangan (Rujuk Rajah 9).	DSU 10 L4	PMPP, PBT
DSP 5.1.2	MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN SECARA MAMPAN BAGI MEMASTIKAN KESEIMBANGAN ANTARA PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN KEPENTINGAN ALAM SEKITAR YANG TERJAMIN	DS 55	
L 5.1.2.1	Menjalankan Pemantauan Terhadap Kualiti Alam Sekitar Bagi Memastikan Kesejahteraan Dan Keselamatan Penduduk.	-	JAS
L 5.1.2.2 <i>(Rujuk Bersama L 1.1.1.2)</i>	Menggunakan Garis Panduan Khusus Bagi Pembangunan Di Sekitar Zon Lapangan Terbang Dan Pengkalan Tentera.	DS 55 L1 DS 56 L4	PBT, CAAM, PMPP
L 5.1.2.3	Mewujudkan Zon Penampakan Di Antara Kawasan Pembangunan Dan Kawasan Hutan.	DS 55 L13	PMPP, PBT, Jab. Perhutanan
L 5.1.2.4	Mewujudkan Zon Penampakan Di Antara Dua Kawasan Pembangunan Yang <i>Non-Compatible</i> .	-	PMPP, PBT
L 5.1.2.5	Menguatkuasakan Peraturan-Peraturan, Garis Panduan Dan Undang-Undang Yang Berkaitan Alam Sekitar Secara Bersepadu, Termasuklah Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Bukit Yang Diterimapakai Di Peringkat Negeri.	DS 61 L1	PBT, JAS, JMG, Jab. Perhutanan
L 5.1.2.6	Memberi Penekanan Kualiti Alam Persekitaran Dan Kesan Kepada Kesihatan Di Dalam Semua Aktiviti Pembangunan.	DS 61 L2	PBT, JAS, JKN



Sumber : http://www.wjjournal.com/wp-content/uploads/2016/11/20160625_C04_WS_Avenue_Penang_0064

Kod	Dasar Strategik Pelaksanaan dan Langkah-Langkah	Dasar RSNPP 2020	Agensi Pelaksana
